AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 37 BILANGAN 11 | RABU 11 MAC, 1992. | رابو 6 رمضان، 1412 | PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meneliti salah satu peralatan pertukangan kayu ketika baginda berkenan berangkat ke salah sebuah bilik darjah di Sekolah Menengah Mumong.

## Berkenan mengurniakan kunci rumah kepada 158 peserta Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati

Liputan oleh
AlIddin HM

BELAIT, 3 Mac. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat mengurniakan anak-anak kunci rumah kepada 158 orang bagi Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati bagi Kawasan Mumong, Kuala Belait dan Lorong Tiga Selatan, Seria.

Majlis Pengurniaan Anak-anak Kunci Perumahan tersebut berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Mumong di sini hari ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di majlis tersebut telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail, Menteri Pembangunan dan Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan serta lain-lain pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah adinda baginda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Sehingga kini, sejumlah kira-kira 299 buah rumah telah pun diserahkan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berjaya menyertai Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati di Daerah Belait.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Pemangku Kadi Daerah Belait.

Baginda selepas mengurniakan titah di majlis tersebut juga berkenan mengurniakan anak-anak kunci rumah kepada mereka yang berjaya. Kemudian baginda dan adinda baginda berkenan berangkat melawat Sekolah Menengah Mumong dengan diiringi oleh guru besar sekolah tersebut.

Sekolah Menengah Mumong telah dibina pada tahun 1985 dan digunakan dalam tahun 1987 dengan menelan belanja lebih 15 juta ringgit dan mempunyai

Lihat muka 4

## Ucapan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Mac. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Hassan II, Raja Negara Maghribi bersempena dengan Hari Kebangsaan negara tersebut hari ini.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam juga berkenan menghantar perutusan yang sama kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Maghribi, Tuan Yang Terutama Tuan Abdellatif Filali.

ڤتيكن تيته

### PETIKAN TITAH

**"ADALAH diharapkan segala ketabahan iman dan takwa serta amal ibadat yang kita amalkan di sepanjang bulan Ramadan itu akan diberkati dan diredai Allah, dan akan dipertingkatkan-Nya taraf amal ibadat kita itu daripada tahun-tahun yang sudah."**

*Dititahkan sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun Hijrah 1407/Masihi 1987.*

## Tanggagaji penghulu, ketua kampung diubah

Oleh
Alíddin HM

**BERAKAS, 5 Mac. — Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dalam perjumpaan dengan para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang di seluruh negara di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini telah mengumumkan mengenai skim yang baru syarat-syarat lantikan dan perkhidmatan penghulu mukim dan ketua kampung yang mana skim yang baru ini telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa keberangkatan baginda melawat ke Mukim Kuala Belait untuk menyempurnakan penyerahan anak-anak kunci bagi Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati di daerah tersebut, baru-baru ini.**

Yang Berhormat telah mengumumkan bahawa tanggagaji para penghulu mukim telah diubah daripada D3-EB4, kepada C3-EB4 dengan gaji permulaan sebanyak $1,990.00 sebulan. Sementara bagi ketua-ketua kampung pula, tanggagaji mereka diubah dari E1-2-3-EB 4 kepada C1-EB2 dengan gaji permulaan sebanyak $1,280.00 sebulan.

Selain dari itu, para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung juga akan menikmati beberapa kemudahan-kemudahan ataupun keistimewaan-keistimewaan sepertimana yang dinikmati oleh para pegawai kerajaan dalam Bahagian III, kecuali bayaran pencen setelah bersara yang mana tidak dilaratkan kepada ketua-ketua kampung.

Perubahan-perubahan ini, kata Yang Berhormat, jelas membuktikan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat mengambil berat tentang peranan dan tanggungjawab institusi penghulu mukim dan ketua

Lihat muka 4

مانيسڽ ايمان

### MANISNYA IMAN

"SIAPA berpuasa Ramadan dan barjaga malamnya dengan penuh kepercayaan dan ketulusan ikhlasnya nescaya diampunkan segala dosanya yang telah lalu. — Maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
ڤليتا بروني
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

11 MAC 1992 BERSAMAAN 6 رمضان، 1412

دڠن نام الله يڠمها
فموره دان مها فڽايڠ

## INSTITUSI PENGHULU MUKIM DAN KETUA KAMPUNG BERPERANAN MENGEKALKAN KEHARMONIAN BERMASYARAKAT

INSTITUSI penghulu mukim dan ketua kampung adalah salah satunya institusi masyarakat tradisi yang masih mantap dan berkesan yang tidak boleh hapus dari kehidupan masyarakat kita dalam mengekalkan keharmonian dan kestabilan lebih-lebih lagi dari segi menjadi penghubung antara rakyat dengan kerajaan. Selaku pemimpin dalam sebuah mukim atau sebuah kampung, ianya diberi kepercayaan oleh para penduduk berkenaan untuk mengelingai hal ehwal masing-masing dan kebajikan kampung dalam sama-sama memastikan bahawa mukim dan kampung itu berada dalam suasana yang aman, harmoni, saling hormat-menghormati dan bersatu padu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini bertitah bahawa kerajaan baginda telah menimbangkan satu skim baru syarat-syarat lantikan dan perkhidmatan serta perubahan tangggaji penghulu mukim dan ketua kampung yang berkuatkuasa mulai 1 Mac lepas sebagai mencerminkan pengiktirafan dan penghargaan kerajaan terhadap institusi penghulu mukim dan ketua kampung di dalam peranannya sebagai penghubung dan penyampai dua hala di antara kerajaan dengan orang ramai dalam jentera pentadbiran negara di samping orang ramai akan lebih menghormati dan menghargai kepimpinan mereka.

Dalam skim baru ini tanggagaji penghulu mukim diubah kepada scale C3 EB4 dengan gaji permulaan sebanyak $1,990 sebulan di mana sebelum ini tanggagaji mereka ialah dalam scale D3 EB4 dengan gaji permulaan $900 sebulan. Manakala tanggagaji baru bagi ketua kampung diubah dengan gaji permulaan sebanyak $1,280 sebulan di bawah scale C1 EB2 bagi menggantikan scale lama E1-2-3 EB4 yang gaji permulaan ialah $515 sebulan.

Selain dari itu setiap penghulu mukim dan ketua kampung juga akan menikmati beberapa kemudahan-kemudahan ataupun keistimewaan-keistimewaan sepertimana yang dinikmati oleh pegawai-pegawai kerajaan dalam Bahagian III, kecuali bayaran pencen setelah bersara yang mana tidak dilaratkan kepada ketua-ketua kampung.

Skim baru ini juga mengizinkan pencalonan pegawai-pegawai kerajaan untuk menjadi penghulu mukim secara bertukar jawatan dengan mengikuti skim perkhidmatan penghulu di samping pesara-pesara dari perkhidmatan kerajaan dan menerima pencen juga boleh menjadi calon penghulu mukim tapi lantikannya nanti adalah secara perkhidmatan sebulan ke sebulan. Dalam pada itu ahli-ahli perniagaan, pengusaha-pengusaha atau pegawai-pegawai dalam sektor swasta boleh juga menjadi calon penghulu tetapi perlantikannya sebagai penghulu menghendaki calon berkenaan berhenti dari perniagaannya atau meletakkan jawatannya kecuali mendapat limpah kurnia perkenan baginda.

Seorang penghulu mukim akan dipersarakan bila mencapai umur 65 tahun tetapi boleh dilanjutkan untuk dilantik sebagai penghulu mukim bagi mukim yang berkenaan secara sebulan ke sebulan dengan limpah kurnia perkenan baginda dan setelah diakui sihat oleh pemeriksaan doktor yang diiktiraf oleh kerajaan.

Manakala itu perlantikan ketua kampung adalah disifatkan sebagai pegawai kerajaan bagi maksud Kanun Keseksaan (Penal Code) dengan diberikan keistimewaan-keistimewaan seperti yang diterima oleh pegawai-pegawai kerajaan yang segolongan dengan mereka kecuali di dalam perkara berkaitan dengan faedah-faedah persaraan. Ketua kampung adalah merupakan pemimpin untuk memeduli hal ehwal kampung dan masyarakatnya serta berperanan dan bertindak sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan dan penduduk-penduduk kampungnya bagi menjaga dan mengawasi kepentingan dan keselamatan kampung. Ketua kampung bertanggungjawab kepada penghulu, pegawai daerahnya dan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka untuk kemajuan, kebajikan dan keselamatan.

Pemilihan penghulu mukim dan ketua kampung dilakukan oleh Pegawai Daerah dengan calon-calon yang disokong dan mempunyai kelayakan diundi secara sulit oleh rakyat atau penduduk tetap yang tinggal bermastautin di mukim dan kampung berkenaan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh pengundian.

Setentunya perubahan ini akan menarik lebih banyak lagi calon-calon yang berkaliber dan berkemampuan bagi mengisikan dan menggerakkan institusi masyarakat yang penting dan penuh tanggungjawab ini di samping akan tambah menggiatkan lagi peranan yang lebih aktif yang dimainkan oleh penghulu mukim dan ketua kampung dalam memimpin anak-anak buah masing-masing bagi menjalani kehidupan yang sentiasa dalam keadaan rukun damai dan bersefahaman, tolong-menolong serta sentiasa bermuafakat dalam sama-sama menjaga keamanan dan keharmonian hidup berkampung, bermukim, berdaerah dan seterusnya bernegara.

# KITA PATUT BERSYUKUR PUNYAI NEGARA YANG MAMPU SEDIAKAN SEGALANYA — titah



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan ke Majlis Penyerahan Anak-anak Kunci Rumah Kepada Peserta-peserta Rancangan Perumahan Negara Dalam Skim Kurnia Tanah Kepada Rakyat Jati bagi Kampong Mumong dan Lorong Tiga, Seria Daerah Belait pada 3 Mac, 1992.

**Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

ALHAMDULILLAHI Rabbil 'Aalameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa 'Alaa Aalihie Wasahbihi Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat pula bersama-sama di dalam majlis yang seumpama ini. Pada kali ini, seramai 158 peserta bagi Rancangan Perumahan Negara dalam Skim Kurnia Tanah Untuk Rakyat Jati akan menerima pula anak-anak kunci mereka, dan beta dengan tulus ikhlas mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada mereka itu. Dengan jumlah ini, bermakna bilangan rakyat yang memiliki tanah dan rumah sekaligus adalah semakin bertambah.

Tidak syak lagi, pertambahan ini membawa makna, bahawa taraf hidup rakyat adalah sedang meningkat, iaitu hasil dari perancangan dan pembangunan yang diusahakan oleh kerajaan, yang juga dengan sendirinya menjadi petanda kepada kemakmuran negara.

Beta percaya, bahawa mutu dan tahap kesejahteraan rakyat dapat ditingkatkan melalui Rancangan Perumahan ini. Kerana itulah ianya sentiasa mendapat keutamaan dan perhatian beta di bawah kementerian yang berkenaan.

Bagi jangka panjang negara, Rancangan Perumahan boleh dilihat dari dua sudut penting : Pertama ia akan membawa kepada perubahan yang berterusan bagi taraf hidup rakyat, dan kedua boleh menjadi sebab lahirnya kesedaran cintakan kampung halaman dan selanjutnya tanahair. Adapun orang-orang yang tidak mempunyai ketempatan atau kediaman yang terjamin, pada biasanya mempunyai tahap kecintaan yang rendah terhadap tanahair mereka, kerana mereka tidak ada apa-apa yang hendak dijaga atau dipelihara.

Maka berdasarkan inilah, patut bagi kita bersyukur kerana mempunyai negara yang mampu dan berupaya untuk menyediakan segala-galanya itu, dan beta hanyalah mengharapkan bahawa 'budi negara' itu akan dapat dibalas dengan tanggungjawab rakyat jua, dari segi, turut sama-sama memenuhi keperluan-keperluan yang dihajati, termasuklah memelihara dan mengawal keluhuran serta keselamatannya.

Dalam kesempatan ini juga, beta ingin menekankan, bahawa Kementerian Pembangunan adalah diharapkan supaya akan dapat menghadapkan sesegera yang mungkin semua butir-butir pelaksanaan bagi skim pemberian tanah kepada rakyat jati yang sedia mempunyai rumah kediaman mereka di tanah-tanah T.O.L dalam kawasan-kawasan perkampungan. Hasrat ini sebenarnya sudah pun beta suarakan di dalam ucapan beta bersempena hari keputeraan beta tahun yang lepas.

Demikian juga satu perkara lagi yang berkaitan, ialah mengenai dengan perumahan di Kampong Ayer supaya akan dapat disusun dengan memberikan keutamaan kepada perumahan dalam kawasan-kawasan yang sesak, khasnya yang berhampiran dengan ibu negara.

Menyebut tentang rancangan perumahan ini, satu perkara pokok yang tidak boleh diabaikan ialah mengenai dengan soal kepimpinan bagi penduduk-penduduk kampung. Dalam hal ini, terdapat beberapa kawasan perumahan baru yang sepatutnya sudah layak dan sesuai untuk mempunyai ketua-ketua kampungnya sendiri. Maka dalam hubungan ini, beta sukacita mengharapkan supaya akan dapat disegerakan pemilihan ketua-ketua kampung untuk kawasan-kawasan yang berkenaan itu.

Beta menganggap, bahawa institusi ketua ini amatlah penting. Ianya tidak boleh hapus atau hilang dari masyarakat kita. Kerana sudah terbukti peranannya bukanlah kecil untuk mengekalkan keharmonian dan kestabilan, khasnya dari segi menjadi penghubung antara rakyat dan kerajaan.

Maka atas asas inilah, kerajaan beta telah menimbangkan satu skim baru, iaitu syarat-syarat lantikan dan perkhidmatan penghulu mukim dan ketua kampung. Skim ini akan menggantikan skim perkhidmatan yang lama, yang akan membawa kepada beberapa perubahan penting, yang meliputi perubahan bagi syarat-syarat lantikan dan perkhidmatan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung berkenaan, dan di samping itu juga tidak ketinggalan perubahan bagi tangga gaji mereka.

Skim baru ini adalah berkuatkuasa mulai dari 1 haribulan Mac, 1992.

Perubahan ini diharapkan akan dapat mencerminkan penghargaan kerajaan terhadap institusi penghulu mukim dan ketua kampung itu, di samping pengertian masyarakat juga tidak lupa dihasratkan supaya akan lebih menghormati dan bahkan menghargai kepimpinan serta jasa-jasa penghulu-penghulu dan ketua-ketua tersebut.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

***MAKA berdasarkan inilah, patut bagi kita bersyukur kerana mempunyai negara yang mampu dan berupaya untuk menyediakan segala-galanya itu, dan beta hanyalah mengharapkan bahawa 'budi negara' itu akan dapat dibalas dengan tanggungjawab rakyat jua, dari segi, turut sama-sama memenuhi keperluan-keperluan yang dihajati, termasuklah memelihara dan mengawal keluhuran serta keselamatannya.***

***BETA menganggap, bahawa institusi ketua ini amatlah penting. Ianya tidak boleh hapus atau hilang dari masyarakat kita. Kerana sudah terbukti peranannya bukanlah kecil untuk mengekalkan keharmonian dan kestabilan, khasnya dari segi menjadi penghubung antara rakyat dan kerajaan.***

٢٥ تاهون" ككل قارال ممرينته دأتس تخت

## "25 TAHUN" KEKAL QARAL MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

OLEH MOHD. SALLEH ABDUL LATIF

# INDUSTRI KEWANGAN SEBAGAI INSTRUMEN PERTUMBUHAN NEGARA

PELAN Pembangunan Nasional yang ada sekarang mengenal pasti kedua-dua sektor awam dan industri kewangan sebagai instrumen dalam pertumbuhan dan pembangunan negara di masa akan datang.

Sejak diperkenalkan Pelan Pembangunan Nasional (Nasional Development Plan) pelaksanaan-pelaksanaan sewaan semua institusi kewangan diletakkan di bawah pengawasan yang rapi melalui beberapa jabatan-jabatan kerajaan.

Kementerian Kewangan, berfungsi melalui Lembaga Matawang Brunei, telah memainkan peranan yang aktif dalam usaha memajukan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor kewangan bagi penduduk tempatan.

Sebelum merdeka yakni sebelum 1984, program pembangunan kerjaya di bidang kakitangan bank bagi anak tempatan adalah begitu terhad. Cuma beberapa orang sahaja anak-anak tempatan yang berjaya menjadi penolong pengurus bank, itu pun bukan terdiri dari kalangan bangsa Melayu dari tujuk puak.

Selepas merdeka kementerian berkenaan menghendaki semua bank yang ada di Negara Brunei Darussalam menyediakan tindakan positif pelan kerja yang menggariskan haluan pembangunan kerjaya kakitangan individu dan membutirkan latihan-latihan yang akan diterima.

Mana-mana bank yang didapati masih kekurangan penyertaan di kalangan anak-anak tempatan dalam perkhidmatan, mereka dikehendaki merangka program yang bersesuaian yang membawa kepada peluang-peluang kerja bagi anak watan.

Gas dan minyak adalah dua pertiga memberikan pendapatan atau revenue kepada Negara Brunei Darussalam selain daripada cukai, lesen, duti-duti, revenue dari harta-harta kerajaan dan lain-lain.

Pada 1987 pendapatan negara tidak termasuk pendapatan dari hasil pelaburan berjumlah lebih $2,750 juta manakala perbelanjaan pada tahun itu ialah $2,434.57 juta.

Pada tahun 1989 pendapatan negara, tidak termasuk pendapatan dari hasil pelaburan, berjumlah lebih $2,525.92 juta sementara perbelanjaan pada tahun itu ialah $2,846.19 juta yang meliputi 'charges expenditure' $472.87 juta; perbelanjaan biasa $8,876.90 juta, perbelanjaan pembangunan $496.42 juta. Lebihan revenue setelah ditolak perbelanjaan biasa dan 'charged expenditure' berjumlah $176.15 juta. Pada tahun 1989 juga sejumlah $527 juta disumbangkan kepada Fund Pembangunan.

Negara Brunei Darussalam tidak ada cukai pendapatan, tapi cuma dikenakan kepada keuntungan syarikat-syarikat berhad sahaja. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah memberhentikan duti eksport sejak Januari 1973.



Agensi Pelaburan Brunei (BIA) yang ditubuhkan pada Julai 1983 bertanggungjawab dalam mengendalikan simpanan luar negara iaitu foreign reserves.

Pada mulanya BIA mengendalikan $B12 bilion yang telah dipindahkan kepada BIA pada bulan Ogos 1983 dari pengurusan Crown Agents, yang merupakan pengurus yang dilantik oleh kerajaan sebelum itu.

Sejak 1984 BIA telah menubuhkan pejabatnya di London bagi mengendalikan simpanan luar negara yang dilaburkan dalam pasaran Eropah dan Amerika Utara manakala ibu pejabatnya di negara ini mengendalikan pasaran sebelah Asia.

Dari Data A kita dapat melihat revenue kerajaan pada tahun 1979 ialah berjumlah $2135.94 juta. Pendapatan dari cukai, duti dan lesen ialah $1056.73 juta. Manakala penerimaan dari bantuan perkhidmatan kerajaan yang tertentu yakni 'receipt for or in aid of Specified Government Services" ialah $0.77 juta sementara pendapatan dari harta kerajaan yakni 'revenue from government property' ialah berjumlah $1054.37 juta.

Pada tahun 1981 pendapatan kerajaan begitu tinggi berjumlah $8452.33 juta menurun pada tahun 1982 kepada $7871.49 juta.

Pendapatan kerajaan menurun kepada $2750.26 juta pada tahun 1987 dengan pendapatan cukai, duti dan lesen cuma dikutip sejumlah $1622.50; penerimaan bagi perkhidmatan kerajaan yang tertentu berjumlah $4.34 juta; penerimaan dari Commercial Character Department ialah berjumlah $133.63 juta manakala pendapatan dari harta kerajaan ialah $968.79 juta.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena hari keputeraan baginda yang ke-36 tahun iaitu pada 15 Ogos, 1982 di Lapau antara lain bertitah:

"Dalam mengatur rancangan-rancangan pembangunan bagi negeri ini, kerajaan beta, insya-Allah akan sentiasa merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan yang realistik yang berasaskan pandangan jauh dan pengkajian yang teliti semata-mata untuk menambahkan lagi kebahagiaan rakyat dan penduduk di negeri ini, meninggikan taraf hidup mereka dan menjamin kebahagiaan hidup itu supaya tidak akan tergugat oleh anasir-anasir yang tidak diingini."

Pendapatan negara yang kukuh telah membolehkan kita meneruskan pembangunan dan menggiatkan lagi kemajuan rancangan-rancangan yang diusahakan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara.

Setentunya dalam membangun itu pihak kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit. Dalam hal ini perbelanjaan kerajaan pada tahun 1976 berjumlah $590.17 juta; meningkat kepada $640.61 juta pada 1977; kemudian menjadi $743.16 juta pada 1978.

Pada 1979 perbelanjaan kerajaan meningkat kepada $1050.10 juta; 1980 sejumlah $1140.91 juta; 1981 sejumlah $1377.88 juta; meningkat $1742.05 juta pada 1982 kemudian perbelanjaan kerajaan pada 1983 bertambah menjadi $4457.09 juta.

Selepas merdeka iaitu tahun 1984 kurang kepada $4136.09 juta dari tahun sebelumnya; 1985 sejumlah $4317.92 juta diperuntukkan bagi perbelanjaan kerajaan membiayai pembangunan, gaji kakitangan kerajaan dan lain-lain perkhidmatan baik yang diberi secara percuma seperti perubatan, pelajaran mahupun subsidi misalnya penjualan beras di bawah paras harga biasa kerana pihak kerajaan membantu sebahagian daripada bayaran sebenarnya. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah kerajaan yang penuh pemedulian.

**DATA A Revenue Kerajaan Dalam Nilai Juta Ringgit**

| Tahun | Jumlah | Duti/Cukai/ Lisen | Penerimaan bagi Perkhidmatan Kerajaan | Penerimaan dari Commercial Character Dept. | Pendapatan dari Harta Kerajaan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1976 | 2,135.94 | 1,056.73 | 0.77 | 24.07 | 1,054.37 |
| 1977 | 2,142.05 | 1,186.12 | 0.83 | 29.29 | 925.81 |
| 1978 | 2,465.58 | 1,309.49 | 1.04 | 36.19 | 970.17 |
| 1979 | 2,386.49 | 1,381.30 | 0.67 | 34.35 | 1,118.86 |
| 1980 | 3,811.47 | 2,893.58 | 1.33 | 46.49 | 970.17 |
| 1981 | 8,454.33 | 3,552.31 | 1.44 | 57.68 | 3,324.94 |
| 1982 | 7,871.49 | 3,380.00 | 1.78 | 76.35 | 4,872.90 |
| 1983 | 7,752.85 | 2,856.79 | 1.77 | 187.14 | 4,413.26 |
| 1984 | 7,344.83 | 2,486.44 | 3.65 | 94.53 | 4,760.21 |
| 1985 | 7,532.98 | 2,578.88 | 3.94 | 111.63 | 4,838.53 |
| 1986 | 3,331.53 | 1,980.50 | 4.62 | 122.55 | 1,223.86 |
| 1987 | 2,750.26 | 1,622.50 | 4.34 | 133.63 | 986.79 |

# Diberi keistimewaan seperti pegawai kerajaan

Oleh
Aliddin HM

BERAKAS, 5 Mac. — Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin dalam taklimatnya di Majlis Perjumpaan di antara Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan para penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini telah menerangkan mengenai dengan skim perkhidmatan baru bagi syarat-syarat lantikan dan perkhidmatan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang antara lain menyentuh bagi syarat-syarat lantikan penghulu mukim ialah seperti berikut.

Penghulu-penghulu mukim adalah dilantik sebagai pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan diberikan keistimewaan-keistimewaan seperti yang diperolehi oleh para pegawai kerajaan yang segolongan dengan mereka.

"Penghulu-penghulu adalah merupakan wakil kerajaan untuk mengetuai, memimpin dan memeduli hal ehwal kampung serta penduduk di mukimnya. Mereka berperanan dan bertindak sebagai penasihat, perantaraan, penyelaras dan tempat tumpuan kepada ketua-ketua kampung serta penduduk-penduduk dan hal ehwal di dalam mukimnya," jelas Dato Paduka.

Dato Paduka berkata, pemilihan penghulu mukim dilakukan oleh Pegawai Daerah dengan calon-calon yang disokong dan mempunyai kelayakan diundi secara sulit oleh rakyat atau penduduk tetap yang tinggal bermastautin di mukim berkenaan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh pengundian.

Dato Paduka menjelaskan, pencalonan penghulu mukim adalah terdiri dari kalangan ketua-ketua kampung yang ada di mukim berkenaan atau seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berkelayakan dan mempunyai kelulusan akademik yang tidak kurang dari tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya dan mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan di negara ini serta bermastautin di mukim tersebut tidak kurang dari tiga tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Umur calon penghulu hendaklah tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak lebih 65 tahun pada tarikh pencalonannya dan tidak terlibat dalam sebarang pertubuhan siasah dan juga tidak pernah diisytiharkan muflis dua tahun sebelum pencalonan.

Di samping itu juga tambah Dato Paduka lagi, skim ini juga mengizinkan pencalonan para pegawai kerajaan untuk menjadi penghulu mukim secara bertukar jawatan dengan mengikut skim perkhidmatan penghulu.

Walau macammanapun, pegawai kerajaan dalam jawatan yang berpencen yang dilantik menjadi penghulu secara bertukar jawatan boleh dipersarakan ketika mencapai umur persaraan 55 tahun seperti yang ditetapkan di dalam Akta Pencen dan akan menerima faedah-faedah bayaran pencen dan baksis menurut Akta Pencen setelah mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Lantikannya sebagai penghulu mukim bagi mukim berkenaan selepas umur persaraan, boleh dilanjutkan secara perkhidmatan sebulan ke sebulan juga atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Para pesara dari perkhidmatan kerajaan dan menerima pencen juga boleh menjadi calon penghulu mukim tetapi lantikannya kelak adalah secara perkhidmatan sebulan ke sebulan," jelas Dato Paduka.

Di samping itu juga tambah Dato Paduka, ahli-ahli perniagaan, pengusaha-pengusaha atau para pegawai yang bekerja di sektor swasta boleh menjadi calon penghulu tetapi perlantikannya sebagai penghulu menghendaki calon tersebut berhenti dari perniagaannya atau meletakkan jawatannya kecuali mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dato Paduka juga menyentuh mengenai syarat-syarat lantikan ketua kampung yang antara lain menjelaskan bahawa perlantikan ketua kampung adalah disifatkan sebagai pegawai kerajaan bagi maksud Kanun Keseksaan (Penal Code) dengan diberikan keistimewaan-keistimewaan seperti yang diterima oleh para pegawai kerajaan yang segolongan dengan mereka kecuali di dalam perkara berkaitan dengan faedah-faedah persaraan.

Ketua kampung, jelas Dato Paduka, adalah merupakan pemimpin untuk memeduli hal ehwal kampung dan masyarakatnya serta berperanan dan bertindak sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan bagi menjaga dan mengawasi kepentingan keselamatan kampung serta para penduduk di dalamnya.

Dato Paduka menjelaskan di dalam skim ini digariskan beberapa bidang tugas ketua-ketua kampung khususnya di dalam mengadakan permuafakatan dengan anak-anak kampung mengenai dengan apa juga perkara yang berlaku terutama sekali yang berkaitan dengan permasalahan anak-anak kampung, keselamatan dan keamanan di kampung dan

Lihat muka 10



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa ketika mengadakan perjumpaan dengan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang di seluruh negara.

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

kampung di negara ini Yang Berhormat mengulangi titah baginda iaitu, institusi penghulu mukim dan ketua kampung adalah amat penting dan ianya tidak boleh hapus dan hilang dari masyarakat kita kerana sudah terbukti peranannya bukanlah kecil untuk mengekalkan keharmonian dan kestabilan, khasnya dari segi menjadi penghubung antara rakyat dan kerajaan.

Yang Berhormat menasihatkan kepada para penghulu mukim dan ketua kampung betapa pentingnya mereka supaya memainkan peranan yang lebih aktif dalam memimpin anak-anak buah masing-masing.

Apa yang perlu, tambah Yang Berhormat, mereka pastikan di setiap masa dan ketika anak-anak buah kampung mereka sentiasa dalam keadaan rukun damai dan bersefahaman, tolong-menolong serta sentiasa bermuafakat dalam sama-sama menjaga keamanan dan keharmonian hidup berkampung, bermukim, berdaerah dan seterusnya bernegara.

"Salah satu cara yang saya percaya berkesan untuk mencapai tujuan tersebut ialah dengan sering mengadakan perjumpaan dan permuzakarahan dengan anak-anak buah masing-masing. Perjumpaan ataupun permuzakarahan sedemikian sudah tentu akan memberikan peluang kepada tuan-tuan sekalian untuk mengetahui dengan lebih jelas masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh anak-anak buah tuan-tuan dan seterusnya untuk memikirkan bersama cara-cara yang baik untuk menyelesaikannya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat mengingatkan kepada para pegawai daerah supaya mengambil tindakan yang segera untuk mengadakan pencalonan dan pemilihan ketua-ketua kampung, khususnya di kawasan-kawasan Skim Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan baginda melawat ke Mukim Kuala Belait itu. Ini termasuklah juga di mukim-mukim atau kampung-kampung yang lain di mana jawatan-jawatan penghulu dan ketua kampung masih belum diisikan.

Majlis pada hari itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Pengiran Haji Mohd. Said bin Pengiran Ahmad, Penghulu Mukim Kuala Belait.

Majlis itu juga diselajurkan dengan sesi soal jawab. Ianya juga bertujuan semata-mata untuk mengadakan permuzakarahan dan mempereratkan lagi tali silaturahim serta untuk bertukar-tukar fikiran, khususnya dalam perkara-perkara yang bersangkutpaut dengan peranan dan tugas-tugas para penghulu mukim, ketua kampung dan ketua rumah panjang dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Haji Mohamad bin Haji Halim, Ketua Kampong Sungai Siamas.

SAMBUNGAN DARI MUKA SATU

keramaian murid lebih 500 orang yang terdiri dari penuntut tingkatan satu hingga tiga belajar di sebelah pagi serta dengan mempunyai tenaga pengajar seramai 38 orang. Juga mempunyai dua buah blok seramai lelaki dan perempuan yang boleh menampung lebih 600 orang penuntut.

Sebahagian daripada sekolah tersebut juga digunakan oleh para penuntut Sekolah Menengah Perdana Wazir yang mempunyai keramaian 890 orang dari tingkatan satu hingga lima dengan tenaga pengajar seramai 70 orang. Pengajian dijalankan di sebelah pagi dan petang.

Semua guru dan penuntut sekolah tersebut telah berpindah ke Sekolah Menengah Mumong pada 3 Jun, 1991. Baginda juga berkenan menandatangani buku pelawat sekolah tersebut.

Dari sana baginda dan adinda baginda meneruskan lawatan ke Masjid Jamalul Alam di Pekan Belait. Keberangkatan tiba baginda di sana telah dijunjung dan dialu-alukan oleh imam-imam di masjid tersebut serta para pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan ahli-ahli jawatankuasa masjid.

Masjid tersebut mula dibina pada 25 September, 1964 dan telah dibuka rasmi oleh Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddien. Masjid ini boleh menampung hampir 2,000 orang jemaah dan dikendalikan oleh tiga orang imam, dua orang bilal dan dua orang marbut. Masjid ini juga telah menyambut Jubli Peraknya pada 25 September, 1989 dan juga masjid ini akan diubahsuai pembinaan pada bulan Mei tahun ini.

Dari sana baginda dan adinda baginda meneruskan lawatan baginda ke Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien. Baginda telah dipersembahkan taklimat mengenai pentadbiran dan operasi sekolah tersebut oleh guru besar.

Sekolah tersebut telah dibuka rasmi pada 30 September, 1978 oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Seramai lebih 1,500 orang murid belajar di sekolah itu yang terdiri dari darjah pra hingga darjah enam di sebelah pagi dan petang dengan tenaga pengajarnya seramai 420 orang. Baginda juga berkenan menandatangani buku pelawat sekolah tersebut.

Baginda dan adinda baginda kemudiannya meneruskan lawatan ke Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati di Kampong Mumong. Di sana baginda telah berkenan menyaksikan mini pameran mengenai dengan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati bagi kawasan Mumong dan Lorong Tiga Selatan yang diselenggarakan oleh Jabatan Tanah sempena keberangkatan baginda melawat kawasan tersebut dan seterusnya berkenan mengunjungi rumah jenis A yang dipunyai oleh Pengiran Haji Sulaiman bin Pengiran Buntar.

Di sepanjang lawatan baginda ke rumah-rumah tersebut, baginda telah dialu-alukan dengan pukulan hadrah. Baginda juga berkenan menandatangani buku lawatan dan menerima cenderamata dari tuan rumah yang baginda kunjungi.

Dari Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati kawasan Mumong baginda dan adinda baginda meneruskan lawatan ke rumah Penghulu Mukim Belait, Pengiran Haji Mohd. Said bin Pengiran Ahmad. Keberangkatan tiba baginda telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Penghulu Mukim Belait serta dengan beberapa persembahan tradisional dan pukulan hadrah dan guling-tangan sebagai tanda kegembiraan para penduduk atas keberangkatan baginda melawat kampung tersebut.

Dalam lawatan itu, baginda dan adinda baginda juga berkenan menandatangani buku lawatan dan berkenan menerima cenderamata yang dipersembahkan ke hadapan majlis baginda oleh Penghulu Mukim Belait, Pengiran Haji Mohd. Said bin Pengiran Ahmad.

Mukim Belait mempunyai lebih 21,000 orang penduduk yang terdiri dari Kampong Sungai Teraban, Kampong Mumong, Kampong Pandan dan Pekan Belait.

Di sepanjang lawatan tersebut baginda juga telah berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama rakyat baginda yang mendiami Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati di kedua-dua tempat tersebut.



MENTERI Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin bergambar ramai sejurus selepas meraikan perlantikan Hakim-hakim Mahkamah Perantaraan di Bangunan Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. — Gambar oleh Rabaee Haji Sabli.

## Negara jalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Czech dan Slovak

NEW YORK, 2 Mac. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Czech dan Slovak, telah bersetuju untuk menjalinkan hubungan diplomatik antara kedua buah negara mulai hari ini.

Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama penjalinan hubungan itu telah diadakan di sini hari ini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Jaya bin Abdul Latif, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sementara mewakili Kerajaan Republik Czech dan Slovak ialah Tuan Yang Terutama Tuan Eduard Kukan, Wakil Tetap Republik Czech dan Slovak ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

# Dua anak tempatan dilantik Hakim Mahkamah Perantaraan

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Mac. — Dua orang anak tempatan Negara Brunei Darussalam telah dilantik sebagai Hakim-hakim Mahkamah Perantaraan mulai 1 Julai, 1991 yang lalu.

Oleh
Zubaidah HS

Beliau ialah Yang Mulia Tuan Hakim Kifrawi bin Dato Paduka Kifli dan Yang Mulia Puan Hakim Hayati binti Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Salleh.

Perlantikan kedua hakim ini adalah merupakan satu perkembangan kehakiman yang bersejarah di negara ini kerana ianya adalah merupakan lantikan-lantikan anak tempatan yang pertama ke jawatan yang penting dalam sistem kehakiman Negara Brunei Darussalam.

Perlantikan ini juga adalah merupakan bagi mengisikan jawatan-jawatan dengan tertubuhnya Mahkamah-mahkamah Perantaraan sebagai persiapan bagi tahun 1997 dan perlaksanaan dasar bahawa lantikan-lantikan penting di dalam badan kehakiman di negara ini akan dipegang oleh anak tempatan Brunei, seperti yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



DAYANGKU Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaluddin, Ketua Penasihat Undang-Undang di Jabatan Peguam Negara ketika memberikan ucapan alu-aluan selaku wakil Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin, Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara. — Gambar oleh Rabaee HS.



ANAK-ANAK tempatan pertama yang dilantik sebagai Hakim-hakim Mahkamah Perantaraan Negara Brunei Darussalam. Beliau ialah Yang Mulia Tuan Hakim Kifrawi bin Dato Paduka Kifli dan Puan Hakim Hayati binti Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Salleh. — Gambar oleh Abdullah HAD.

Bersempena dengan perlantikan kedua-kedua hakim tersebut satu upacara mengalu-alukannya telah diadakan di Bangunan Mahkamah Besar di sini pada hari Selasa lepas.

Majlis itu telah dimulakan dengan ucapan dari Ketua Penasihat Undang-Undang di Jabatan Peguam Negara, Dayangku Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaluddin yang juga selaku wakil Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara, dan kemudiannya ucapan dari wakil Peguam-peguam, Awang Y.Y Chin.

Kemudiannya upacara tersebut diteruskan dengan ucapan terima kasih daripada kedua-kedua Hakim Mahkamah Perantaraan iaitu Tuan Hakim Kifrawi dan Puan Hakim Hayati.

Di akhir majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Imam Haji Jamuddin bin Dollah.

Selesai upacara Mengalu-alukan Hakim Mahkamah Perantaraan, majlis diikuti kemudiannya dengan jamuan teh dan ramah mesra.

Berangkat ke jamuan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin, Menteri Undang-Undang Negara Brunei Darussalam dan Peguam Negara, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abas bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang dan Peguamcara Negara, dan Yang Arif Ketua Hakim Negara Dato Seri Paduka Sir Dennys Tudor Emil Roberts.

## Organisasi akan dapat beroperasi lebih cekap dengan adanya maklumat yang betul, bertepatan

BERAKAS, 18 Februari. — Lebih 150 orang ketua jabatan dan para pegawai kanan dari semua kementerian dan jabatan kerajaan telah menghadiri Seminar Mengenai Teknologi Maklumat dan Pengurusan anjuran bersama Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Keselamatan Kerajaan, di Pusat Da'wah Islamiah di sini hari ini.

Seminar yang berkisar mengenai pentingnya mengembangkan dan menguruskan maklumat untuk mencapai keberkesanan di dalam membuat keputusan, perancangan dan kawalan itu, dikendalikan oleh Awang David T. Washburn, seorang pakar runding dari Institut Harvard Bagi Pembangunan Antarabangsa (HIID), Amerika Syarikat.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan dan Pengurusan dan Keselamatan Kerajaan, Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Kula berkata, dengan adanya maklumat yang betul dan bertepatan pada masanya, organisasi akan dapat beroperasi dengan lebih cekap serta akan dapat menjadi lebih efektif dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengeluaran dan perkhidmatan.

Di samping itu, menurut beliau, masalah-masalah yang kritikal akan dapat diatasi melalui strategi teknologi maklumat yang rapi dan teratur. Ini penting memandangkan kita sekarang berada di dalam era maklumat yang merupakan salah satu sumber yang amat penting untuk diuruskan oleh setiap organisasi.

"Dari itu objektif seminar ini ialah untuk memberikan

Oleh
Abd. Karim HAB

kefahaman kepada para peserta mengenai keperluan maklumat serta strategi untuk menggunakan maklumat dengan lebih berkesan," jelas beliau dalam ucapan pengenalan di majlis itu.

Di samping itu, ujar beliau, ia juga bertujuan untuk memberikan garis pandu kepada para peserta mengenai cara-cara baru dan yang lebih baik untuk menggunakan teknologi maklumat dan cara-cara untuk mengembangkan rancangan jangka panjang yang dapat memperbaiki sistem maklumat yang ada sekarang.

Seminar yang serupa juga telah diadakan semalam bertempat di Unit Perancang Ekonomi.



PAKAR Runding dari Institut Harvard Bagi Pembangunan Antarabangsa (HIID), Amerika Syarikat, Awang David T. Washburn ketika menyampaikan ceramah kepada para peserta Seminar Mengenai Teknologi Maklumat dan Pengurusan. — Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS . . . . Siri ke-630

# MASALAH PENYAKIT DADAH

PENYAKIT dadah itu penyakit dibuat dan ditempah oleh orang-orang Islam sendiri.

Firman Allah Taala dalam Surah Ar-Ruum ayat 41 yang tafsirnya:

**"Nyata dan berlaku kerosakan (dan kata sahabat Ibnu Abas bahawa kerosakan itu tiada berkat di dalam segala kerja dan kelakuan manusia dengan sebab dosa mereka, supaya mereka bertaubat dan kembali kepada Allah Taala) berlaku kerosakan di kampung-kampung dan di negeri-negeri yang jauh dari sungai dan laut dan berlaku kerosakan itu di kampung-kampung dan negeri-negeri yang ada di tepi sungai-sungai dan di laut-laut, dengan sebab perbuatan dan kelakuan manusia itu sendiri dengan membuat derhaka dan angkuh mereka kepada Allah Taala, supaya manusia itu sendiri dengan membuat derhaka dan angkuh mereka kepada Allah Taala, supaya manusia itu sendiri merasa dan menanggung akibat kesalahan dan dosa yang dilakukan oleh mereka, moga-moga mereka kembali kepada Allah dan bertaubat dan Allah akan angkatkan bala itu."**

Firman Allah dalam Surah Al-An'aam ayat 151 yang tafsirnya:

**"Jangan kamu mendekati dan melakukan dosa-dosa besar sama ada dosa besar itu dilakukan dengan berterang-terang atau bersulit-sulit dan bersunyi. Dosa besar itu seperti mengabai-abaikan rukun Islam, sembahyang, puasa, zakat dan haji, dan hasad dengki, bergaduh-gaduh, bermusuh dengan orang Islam, bermuka-muka, mengumpat dan lain, dan minum arak, berzina, bercampur gaul bebas, berpoya-poya dengan teman perempuan, berbuat sihir dan berjudi, makan riba (interest) dan bunga dan lain."**

Sekarang manusia dan umat Islam mengabai-abaikan hukum-hukum Allah dalam kehidupan mereka sehari-hari melainkan orang-orang Islam yang ditaufikkan Allah pada mengikut ajaran Allah Taala dalam kehidupan mereka hanya sedikit daripada umat Islam yang ramai itu.

Apabila kita sudah tahu kesilapan kita sendiri, maka hendaklah kita betulkan kesilapan-kesilapan itu.

Semua lapisan umat Islam membuat kesilapan dan mengabai-abaikan Allah dan Rasulullah melainkan sedikit yang selamat yang mendapat taufik dan patuh kepada Allah Taala.

1. Ibu bapa cuai pada anak-anak mereka.
2. Sekolah-sekolah hanya mengajar anak-anak dan tiada mengasuh mereka.
3. Orang ramai tiada menjalankan Amar Bil Ma'ruf dan menegah dari mungkar dan kesalahan terhadap Allah.
4. Orang-orang yang berkuasa tiada menjalankan hukum-hukum Allah dengan betul dan tepat bagaimana kehendak Allah Taala.

**CARA-CARA MEMBETULKAN KESALAHAN-KESALAHAN SEPERTI DADAH ITU**

1. Hendaklah orang-orang berakal dan siuman daripada umat Islam itu kembali pada kitab Allah dan Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan kitab-kitab dan kitab-kitab ulamak yang diakui oleh umat Islam.
2. Kitab-kitab ulamak yang menyuruh mendidik anak-anak dan diri sendiri itu ada banyak, jangan diabai-abaikan:-
   a) Kitab Bidayatul Hidayah oleh Al-Imam Al-Ghazali bahasa Arab dan Melayu dan lain-lain kitabnya.
   b) Kitab An-Nashaaiehud Diniyyah oleh Al-Arifbillah Al-Habib Abdullah Al-Haddad dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.
   c) Tarbiyatul Auladi Fil Islam 2 penggal dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu penggal pertama oleh Asysyeikh Abdullah Nashih Alwan dari Suri Syam.

**Bahagian ketiga belas**



YANG Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.

3. Betulkan sukatan pelajaran sekolah sama ada sekolah kebangsaan atau sekolah agama atau sekolah Arab, dengan berdasarkan kitab-kitab ulamak yang saya sebutkan itu.
4. Betulkan sukatan pelajaran dalam sekolah-sekolah, guru dan pendidikan mengikut dan berdasarkan kitab-kitab ulamak yang saya sebutkan itu.
5. Betulkan cara-cara menyeru orang berbuat perkara makruf dan menegah dari melakukan kejahatan.
6. Betulkan cara-cara sukan dan olahraga menurut nilai-nilai Islam dari mendedah aurat dan lain mengikut kitab-kitab fikah dan Kaffur Ra'aaie An Muharramatil Lahwi Wassama'ie.
7. Betulkan aturan tadbir agama Islam benar-benar menurut Islam dan bukan ikut semangat sekular dan fikiran memodenkan Islam ikut fikiran ulamak moden dari Mesir dan dari negeri-negeri Islam dan lepasan dari sekolah pengajian timur dari Belanda, Jerman, London dan Amerika.
8. Demikianlah kiranya sekalian lapisan umat Islam hendak mengurangkan gejala-gejala dadah dan kejahatan perangai anak-anak muda itu.

WALLAHU A'ALAM

(Bersambung)

# MELATIH ANAK-ANAK BERPUASA TANGGUNGJAWAB IBU BAPA

KEHADIRAN anak bulan Ramadan bererti bermulanya ibadah puasa. Dengan itu juga membawa pengertian yang besar kepada ibu bapa kerana mendapat peluang dan keuntungan bagi mereka melatih anak-anak melakukan ibadah yang bermanfaat iaitu ibadah puasa.

Melatih anak-anak untuk melakukan puasa dalam bulan Ramadan adalah suatu amalan dan tanggungjawab ibu bapa yang sangat mulia. Tanggungjawab ini merupakan antara satu-satunya kasih sayang yang abadi demi kesempurnaan dan kebahagiaan hidup anak-anak di dunia dan akhirat.

Kesungguhan anak-anak berpuasa adalah keuntungan bagi setiap ibu bapa kerana setiap amal kebajikan yang dilakukan oleh anak-anak mereka akan sama-sama dirasai, malah orang-orang yang beriman yang mempunyai keluarga atau zuriat yang takwa dan beramal salih akan dimasukkan ke dalam syurga. Bahkan segala amal kebajikan mereka tidak dikurangi walau sedikitpun. Sepertimana firman Allah dalam Surah At-Tuur ayat 21 yang bermaksud:-

**"Dan orang-orang yang beriman yang dituruti oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami (Allah) hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam syurga) dan Kami (Allah) dengan itu tidak mengurangi sedikit pun dari pahala amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya."**

منوجوكريضان الله

*Menuju Keredaan Allah*

كلولان فوسة دعوة اسلاميه

Dari ayat tersebut mengingatkan orang-orang mukmin agar memberi didikan yang baik dan sempurna khasnya pelajaran agama kepada keluarga dan zuriat keturunan mereka. Dengan jalan ini akan dapat menyelamatkan diri, keluarga dan zuriat keturunan mereka di dunia serta menjamin kebahagiaan hidup di akhirat kelak (memudahkah mereka berhimpun dan bergembira bersama-sama di dalam syurga).

Perihal mendidik anak-anak dalam melaksanakan ibadah puasa memanglah berat dan terpaksa menghadapi kesukaran. Kesulitan begini akan hanya dapat diatasi dengan adanya semangat serta keazaman ibu bapa melatih anak-anak secara diplomasi yang halus tapi berhasil. Ibu bapa perlu menjadi contoh yang baik untuk diikuti oleh anak-anak mereka. Jika ibu bapa terlebih dahulu melakukan ibadah puasa adalah senang bagi si anak mengikutnya. Adalah lebih mudah bila anak-anak dididik berpuasa sejak kecil lagi kerana seperti kata pepatah Melayu : 'Biarlah bila kita melentur buluh itu sedari rebungnya lagi.'

Sesungguhnya bilamana anak-anak dibiasakan melakukan ibadah puasa dan ibadah-ibadah yang wajib dan sunat bermakna lebih mengeratkan lagi kasih sayang yang abadi dalam sesebuah keluarga malah tidak akan mudah diperdaya oleh kehidupan dunia yang penuh dengan seribu macam godaan dan kelalaian. Seorang mukmin harus takut akan azab dosa yang dilakukannya sebab bilamana sesebuah keluarga tidak bertanggungjawab sebagai mukmin yang beriman adalah rugi dan sukar baginya menghadapi hidup di akhirat kelak. Sepertimana firman Allah dalam Surah Luqman ayat 33 yang bermaksud:

**"Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan kamu (Allah) dan takutilah akan hari (akhirat) yang padanya seseorang ibu atau bapa tidak dapat melepaskan anaknya dari azab dosanya, dan seseorang anak pula tidak dapat melepaskan ibu atau bapanya dari azab dosa masing-masing sedikit pun. Sesungguhnya janji Allah itu diperdayakan oleh kehidupan dunia, dan jangan pula kamu diperdayakan oleh bisikan dan ajakan syaitan yang menyebabkan kamu berani melanggar perintah Allah Subhanahu Wataala."**

## MAJLIS PENGISLAMAN

TUTONG, 15 Januari. – Baru-baru ini telah berlangsung satu majlis pengislaman bagi dua buah keluarga Iban di Kampong Mapol.

Awang Ginyam anak Maoh, 67 tahun dan keluarganya terdiri dari isteri, anak dan menantu serta beberapa orang cucu melafazkan ikrar Islam mereka di hadapan pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah.

Beliau memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Imran bin Abdullah. Manakala isterinya, Dayang Basi anak Malina, 53 tahun sebagai Dayang Basiamah binti Abdullah. Anak perempuannya, Dayang Genayang anak Ginyam, 41 tahun memilih nama Islamnya sebagai Dayang Rokiah binti Muhammad Imran dan suaminya, Awang Unya anak Saying, 55 tahun sebagai Awang Abdul Halim bin Abdullah Saying.

Sementara keempat cucu lelaki dan dua cucu perempuannya masing-masing kini dikenali sebagai Awang Muhammad Daud bin Abdul Halim, Awang Muhammad Ridhwan bin Abdul Halim, Awang Muhammad Amir bin Abdul Halim, Awang Muhammad Endra bin Abdul Halim, Dayang Nurul Siti Jeliah binti Abdul Halim dan Dayang Nurul Maslina binti Abdul Halim.

Satu lagi keluarga mengandungi lima orang juga telah memeluk agama Islam. Awang Ambi anak Mangkong, 65 tahun memilih nama Islamnya sebagai Awang Razak bin Abdullah dan isterinya, Dayang Lapan anak Marangan, 51 tahun sebagai Dayang Maisarah binti Abdullah. Ketiga anak perempuan mereka masing-masing kini dikenali sebagai Dayang Nor Siti Hafizah binti Abdul Razak, Dayang Norshariza binti Abdul Razak dan Dayang Rasyidah binti Abdul Razak.

Sementara itu di majlis yang sama, seorang lagi lelaki berbangsa Iban, Awang Sebang anak Maoh, 64 tahun juga telah memeluk Islam dan kini dikenali sebagai Awang Muhammad Sebang bin Abdullah Maoh.

Tetamu kehormat, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Timbalan Mufti, Negara Brunei Darussalam, telah berkesudian untuk memberikan ucapan dan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada saudara-saudara baru yang diraikan.

Sebuah syarahan khas dalam bahasa Iban telah juga disampaikan oleh Awang Haji Abd. Rahman bin Abdullah, pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah.

Antara yang hadir di majlis tersebut ialah Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Mohd. Amin bin PDPD. Dato Paduka Haji Abd. Rahim; Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Kassim bin Haji Lamat; Penghulu Mukim Rambai, Awang Haji Abd. Malik bin Abdullah dan pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis telah diserikan lagi dengan persembahan Dikir Marhaban beramai-ramai.



AWANG Muhammad Imran bin Abdullah ketika menerima cenderamata dari Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned, Timbalan Mufti Kerajaan.

# JADIKAN PUASA BENTENG PENGHALANG SEGALA KEJAHATAN, KEMUNGKARAN




ALHAMDULILLAH kita bersyukur kepada Allah kerana kita telah pun dipertemukan lagi dengan bulan Ramadan.

Oleh kerana itu, marilah kita sama-sama menambahkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Bulan Ramadan adalah di antara bulan yang dimuliakan Allah. Kita diwajibkan berpuasa pada bulan ini. Tidak dapat tidak kita mesti melaksanakan puasa tersebut demi menjunjung perintah Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 183 yang tafsirnya:

**"Wahai orang-orang yang beriman telah ditetapkan kepada kamu berpuasa sepertimana telah ditetapkan kepada orang yang sebelum kamu. Mudah-mudahan kamu bertakwa."**

Di dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda:

**"Terbina Islam itu atas lima perkara : Menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, puasa di bulan Ramadan dan naik haji ke Mekah bagi yang mampu mengerjakannya."**

Berdasarkan ayat dan hadis tersebut, jelaslah kepada kita bahawa puasa itu bukanlah suatu yang remeh-temeh tetapi adalah suatu kewajipan besar yang mesti ditanai dan dilaksanakan dengan penuh minat dan keikhlasan.

Bulan puasa adalah bulan yang sangat istimewa bagi kaum Muslimin kerana selain dari diwajibkan berpuasa, kita juga diberi kesempatan memperbanyak ibadat.

Pada bulan ini, Allah menggandakan pahala dan ganjaran baik bagi setiap ibadat kita.

Dalam satu riwayat ada menyebutkan bahawa suatu sembahyang sunat pada bulan Ramadan dikira pahalanya seperti pahala sembahyang fardu atau wajib dan sembahyang fardu pula diganda pahalanya sehingga 70 kali ganda dari hari-hari biasa.

Alangkah ruginya kita jika kita tidak mengambil kesempatan ini. Belum tahu kita akan bertemu lagi dengan bulan Ramdan akan datang. Kita tidak tahu adakah kita masih hidup di Ramadan akan datang itu.

Oleh itu rebutlah peluang yang diberikan ini demi keselamatan kita di dunia dan di akhirat.

Di antara amalan yang sangat dianjurkan dan sentiasa baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam amalkan ialah sembahyang Tarawih dan membaca serta mengkhatam Al-Quran pada bulan di Ramadan ini kerana bulan inilah turunnya Al-Quran.

*JADI pada umumnya bulan Ramadan itu adalah merupakan bulan rahmat dan bulan pengampunan. Pintu pengampunan dibuka luas. Begitu juga pintu rahmat bagi yang layak mendapatkannya. Oleh kerana itulah kita dianjurkan supaya memperbanyakkan ibadat dan memohon keampunan daripada Allah.*

Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 185 yang tafsirnya:

**"Bulan Ramadan yang diturunkan padanya Alquran yang menjadi petunjuk bagi manusia dan keterangan-keterangan dari petunjuk itu dan yang membezakan (di antara kebenaran dan kesesatan)."**

Pada bulan Ramadan ini juga kita amat beruntung kerana Allah melimpahkan rahmat dan keampunan-Nya pada bulan ini.

Rasulullah bersabda:

**"Bulan Ramadan ke bulan Ramadan, hari Jumaat ke hari Jumaat dan satu sembahyang ke sembahyang yang lain menjadi penebus dosa di antara keduanya selagi dosa besar dijauhi."**

Dalam hadis lain Rasulullah bersabda yang ertinya:

**"Sesiapa berpuasa Ramadan dan berjaga malam dengan penuh kepercayaan dan tulus ikhlas nescaya diampunkan segala dosanya yang telah lalu."**

Baginda ada juga mengatakan bahawa:

**"Bulan Ramadan itu permulaan rahmat, pertengahannya pengampunan dan akhirnya bebas dari api neraka."**

*BULAN Ramadan adalah di antara bulan yang dimuliakan Allah. Kita diwajibkan berpuasa pada bulan ini. Tidak dapat tidak kita mesti melaksanakan puasa tersebut demi menjunjung perintah Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 183.*

Jadi pada umumnya bulan Ramadan itu adalah merupakan bulan rahmat dan bulan pengampunan. Pintu pengampunan dibuka luas. Begitu juga pintu rahmat bagi yang layak mendapatkannya. Oleh kerana itulah kita dianjurkan supaya memperbanyakkan ibadat dan memohon keampunan daripada Allah.

Sebagai orang yang beriman patutlah kita menjaga puasa kita dari kecacatan-kecacatan yang boleh mengurangkan atau menghilangkan pahala puasa kita. Perlulah kita mengikut tatatertib puasa.

Di antara yang terpenting ialah memelihara lidah supaya tidak berdusta, mencaci orang, mencampuri urusan orang lain, menghindarkan mata dan telinga daripada mendengar atau melihat sesuatu yang tidak halal.

Begitu juga ia mesti menahan perut dari menelan makanan yang haram atau yang syubhat terutama sekali ketika waktu bersungkai, wajib ia berusaha mencari yang halal bagi berbuka puasanya.

Jika kita berpuasa, kita perhatikanlah apa bendanya yang kita hendak berbuka dan tempat siapa kita berbuka. Ini bertujuan supaya kita berjaga-jaga dan berhati-hati serta mengambil berat terhadap makanan untuk sungkai kita ini supaya tidak terdapat yang haram di dalamnya.

Meninggalkan maksiat itu adalah wajib untuk selama-lamanya sama ada ke atas orang yang berpuasa ataupun tidak. Hanya terhadap orang yang berpuasa lebih wajib memelihara diri kerana ia sangat dituntut dan dikuatkan lagi, sebab orang yang berpuasa jika melakukan maksiat maka puasanya akan rosak dan tidak sempurna, malah penat lelah itu menjadi sia-sia sahaja.

Dalam hal ini Rasulullah bersabda maksudnya :

**"Betapa banyak orang yang berpuasa tiada mendapat sesuatu dari puasanya selain lapar dan dahaga."**

Di dalam hadis yang lain, Rasulullah menyebutkan yang maksudnya:

**"Puasa itu adalah pendinding. Maka apabila seseorang kamu menempuh hari puasanya hendaklah ia tiada bercakap kotor, tiada berlaku jahat dan tiada menjahili sesuatu hukum. Jika orang mencercanya atau mengajak berkelahi hendaklah ia mengatakan, sesungguhnya aku ini sedang berpuasa."**

Begitulah setiap kita patutlah menjaga puasa kita supaya tidak berkurang atau sia-sia puasa kita itu. Jadikan puasa itu sebagai benteng penghalang dari segala kejahatan dan kemungkaran.

## وقت سمبهيغ، امساك دان متهاري تربيت.

وقت٢ سمبهيغ امساك دان متهاري تربيت باڬي دائره بروني دان موارا مولأي دري هاري رابو، 6 رمضان، 1412 برسمأن 11 مرچ، 1992 هيڠݢ كهاري ثلاث، 12 رمضان، 1412 برسمأن 17 مرچ، 1992 اداله سفرت دباوه اين :—

| هاريبولن | متهاري تربيت | صبح براخير | صبح برمولا | امساك | عشاء براخير | عشاء برمولا | مغرب براخير | مغرب برمولا | عصر براخير | عصر برمولا | ظهر براخير | ظهر برمولا | هاريبولن |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| مرچ | | | | | | | | | | | | | رمضان |
| 11 | 6.28 | 6.27 | 5.12 | 5.02 | 5.11 | 7.42 | 7.41 | 6.33 | 6.32 | 3.44 | 3.43 | 12.32 | 6 |
| 12 | 6.27 | 6.26 | 5.11 | 5.01 | 5.10 | 7.42 | 7.41 | 6.33 | 6.32 | 3.43 | 3.42 | 12.32 | 7 |
| 13 | 6.27 | 6.26 | 5.11 | 5.01 | 5.10 | 7.42 | 7.41 | 6.33 | 6.32 | 3.43 | 3.42 | 12.31 | 8 |
| 14 | 6.27 | 6.26 | 5.11 | 5.01 | 5.10 | 7.41 | 7.40 | 6.32 | 6.31 | 3.42 | 3.41 | 12.31 | 9 |
| 15 | 6.26 | 6.25 | 5.10 | 5.00 | 5.09 | 7.41 | 7.40 | 6.32 | 6.31 | 3.41 | 3.40 | 12.31 | 10 |
| 16 | 6.26 | 6.25 | 5.10 | 5.00 | 5.09 | 7.41 | 7.40 | 6.32 | 6.31 | 3.40 | 3.39 | 12.30 | 11 |
| 17 | 6.25 | 6.24 | 5.09 | 4.59 | 5.08 | 7.41 | 7.40 | 6.32 | 6.31 | 3.39 | 3.38 | 12.30 | 12 |

وقت سمبهيغ دان امساك باڬي دائره بلأيت هندقله دتمبه تيڬ مينيت دان ددائره توتوڠ هندقله دتمبه ساتو مينيت منكالا باڬي دائره تمبوروڠ هندقله دكورڠكن ساتو مينيت تيف٢ وقت. سمبهيغ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولأي دري فوكل 12.45 تڠهاري.

## BENARA adakan Majlis Sambutan Awal Ramadan

BERAKAS, 27 Februari. – Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Kerja Raya (BENARA) telah menganjurkan Majlis Sambutan Awal Ramadan dan Membaca Tahlil Doa Arwah di Bahagian Pengurusan Bangunan jabatan itu di sini hari ini.

Majlis yang merupakan projek tahunan BENARA itu dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah beramai-ramai dan kemudiannya diikuti dengan penyampaian derma kepada Tabung Anak-anak Yatim Daerah Brunei dan Muara.

Penyampaian derma tersebut disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengiran Haji Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali selaku tetamu kehormat kepada Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Nairul Anwar bin Haji Ahai selaku wakil Pengerusi Jawatankuasa Tabung Anak-anak Yatim Daerah Brunei dan Muara.

Satu syarahan khas telah disampaikan oleh penceramah undangan dari Institut Pengajian Islam, Ustaz Dr. Haji Abdul Aziz Hanafi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menguji kebolehan mengetam kayu ketika berangkat di salah sebuah bilik darjah Sekolah Menengah Mumong.

# KEBAWAH DYMM BERKENAN KURNIAKAN KUNCI RUMAH KEPADA 158 PESERTA SKIM TANAH KURNIA RAKYAT JATI



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Su berkenan bergambar bersama-sama dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Mohammad Jamalul Alam di Daerah Belait ketik dan adinda baginda berangkat melawat masjid berkenaan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat mengurniakan anak-anak kunci rumah kepada 158 orang bagi Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati bagi Kawasan Mumong, Kuala Belait dan Lorong Tiga Selatan, Seria bertempat di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Mumong pada 3 Mac lepas.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Sempena pengurniaan anak-anak kunci tersebut, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan melawat Sekolah Menengah Mumong, ke Masjid Jamalul Alam dan ke Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien.

Baginda dan adinda baginda meneruskan lawatan ke skim Tanah Kurnia Rakyat Jati di Kampong Mumong di mana baginda menerima junjung ziarah dan beramah mesra dengan rakyat baginda yang mendiami skim Tanah Kurnia Rakyat Jati kedua-dua tempat tersebut.

Gambar-gambar
Halim HS, Pg. H
Abu Bakar PH
dan Masmaleh H

BAGINDA berkenan mener ziarah sebahagian daripada p ci rumah dalam Skim Tanah K Jati bagi kawasan Mumong ketika baginda berkenan b kawasan tersebut (atas kanan

BAGINDA dan adinda bagin tangan ketika doa dibacaka Penghulu Mukim Kuala B baginda berkenan berangka berkenaan (kanan).





BAGINDA disembahkenalkan oleh Penghulu Mukim Belait, Pengiran Haji Mohd. Said bin Pengiran Ahmad kepada sebahagian Pengawas Kejiranan Kampong Mumong (atas kiri).

BAGINDA dan adinda baginda berkenan mendengar taklimat tentang kemajuan rancangan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati bagi kawasan Mumong Kuala Belait dan Lorong Tiga Selatan Seria (kanan).

BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah daripada sebahagian rakyat dan penduduk yang mengalu-alukan keberangkatan baginda dan adinda baginda ke kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati bagi kawasan Mumong Kuala Belait (kiri).



انيکا
ANEKA

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

BILANGAN 11 | RABU 11 MAC, 1992. | رابو 6 رمضان، 1412 | PERCUMA

# MENYEMARAKKAN BULAN RAMADAN



*BULAN Ramadan yang mana kita sedang berada di dalamnya pada saat ini adalah merupakan bulan yang menerima keberkatan dan rahmat daripada Allah serta mengandungi nilai-nilai sejarah penting yang patut menjadi ingatan dan kenangan bagi seluruh umat Islam.*

*Bersempena dengan bulan yang mubarak lagi penuh keberkatan ini, marilah kita membanyakkan membaca kitab suci Al-Quran serta membanyakkan zikir dan bersedekah dan melakukan amal kebajikan. Semoga dengan itu, Allah akan memberikan rahmat dan hidayat dunia dan akhirat kepada kita semua.*

LAGI BERITA DAN GAMBAR-GAMBAR DI MUKA 2

## ANTARA YANG MENARIK


- **Apa Pendapat Biskita** — *muka 6*
- **Carpen — Wasiat Pengorbanan** — *muka 4 & 5*
- **Pat-Pat Gulambir** — *muka 12*
- **Nya Nini — Kanak-Kanak Gundah Tidur** — *muka 6*
- **Mari Memasak — Otak-Otak Udang** — *muka 6*
- **Rancangan Radio & Tv** — *muka 8 & 9*

ANEKA انيكا Pelita Brunei

## Rencana



MAJLIS bertedarus bukan sahaja diadakan di masjid-masjid dan balai-balai ibadat malahan orang-orang perseorangan juga mengadakan majlis serupa itu dalam usaha untuk memuliakan bulan Ramadan yang mubarak ini.



UMAT Islam dari pelbagai peringkat umur membanjiri masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat untuk melakukan sembahyang Tarawih berjemaah.

# MEREBUT PELUANG KEEMASAN DI BULAN RAMADAN

Oleh
Jaffar HI

ALHAMDULILLAH hari ini genaplah sudah enam hari kita melakukan ibadat puasa di bulan Ramadan yang mubarak ini iaitu bulan di mana amal ibadat yang dilipatgandakan akan pahalanya. Bulan di mana setiap orang bertakwa kepada Allah menunggunya dengan penuh gembira dan riang seperti ahli-ahli perniagaan menanti dan menunggu masa bagi mereka mengaut dan meraih keuntungan yang berlipat ganda.

Mudah-mudahan segala apa yang sudah kita amalkan itu dan begitu juga yang akan kita amalkan seterusnya, semuanya akan diterima dan mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wataala jua.

Bulan Ramadan telah dikategorikan sebagai bulan yang penuh keberkatan dan keistimewaan dari bulan-bulan yang lain di dalam Islam. Antara keistimewaan yang nyata itu ialah seperti peristiwa Nuzul Al-Quran, Lailatulqadar, sembahyang sunat Tarawih dan Witir dan bermacam-macam lagi amalan-amalan yang memberi faedah dan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.

Selain daripada itu bulan Ramadan juga adalah bulan bagi penebus dosa dari satu bulan Ramadan ke satu bulan Ramadan yang lain sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud kira-kira:

**"Bulan Ramadan ke bulan Ramadan dan hari Jumaat ke hari Jumaat dan satu sembahyang ke satu sembahyang yang lain menjadi penebus dosa antara keduanya selama dijauhi segala dosa besarnya."**

Memandangkan hikmat-hikmat yang begitu banyak dalam ibadat puasa itu, sewajarnyalah kita umat Islam mengambil kesempatan ini dengan sebaik-baiknya dan amat kena pada tempatnya ibadat puasa itu kita jadikan 'jambatan' atau landasan untuk mengasuh diri sendiri dan masyarakat pada umumnya dengan sifat-sifat tahan uji dan ketaatan. Kerana konsep menahan diri dan ketaatan dalam ibadat puasa itu amat penting dalam membentuk ketahanan masyarakat yang kukuh dan bersatu padu.

Lantaran sepanjang bulan Ramadan itu dipenuhi dengan berbagai-bagai rahmat dan hikmat-hikmat yang besar manfaatnya untuk survival ummah dan bangsa, maka adalah amat layak bagi kita membesarkan dan menyemarakkan bulan mubarak ini dengan amal-amal ibadat yang berkebajikan seperti yang telah diwariskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti bertedarus, sembahyang sunat Tarawih dan Witir serta memperbanyakkan bersedekah dan seumpamanya.

Jangan sampai masa yang keemasan ini berlalu begitu saja tanpa mendatangkan sebarang keberuntungan dari segi kerohanian mahupun keberuntungan pahala kebajikan dan rahmat dari Allah kepada kita iaitu sebagai usaha dan ikhtiar kita bagi bekalan kehidupan kita selepas mati nanti dan seterusnya bagi kehidupan kita di akhirat kelak.

Oleh itu seseorang yang bijaksana sudah pasti dia tidak akan melepaskan peluang yang keemasan ini dan orang seperti inilah yang dikatakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai orang yang benar-benar bijaksana di dalam kehidupan sebagaimana sabda Baginda yang kira-kira bermaksud:

**"Orang yang bijaksana siapa yang mengenal akan dirinya (sebagai makhluk Allah) dan dia berbuat amal perbuatan yang berupa ibadat dan amal kebajikan untuk kehidupan selepas mati. Dan orang-orang lemah dan kurang bijaksana ialah siapa yang menjadi hamba kepada hawa nafsunya sendiri sehingga lupa untuk berbuat bekalan untuk hari akhiratnya. Dia hanya berangan-angan untuk mendapatkan balasan baik daripada Allah sedangkan dia tidak tahu dan tidak pernah berbuat amal ibadat dan amal salih kepada Allah."**

Alhamdulillah di negara kita, sejak bermulanya puasa yang jatuh pada hari Jumaat 6 Mac yang lalu, umat Islam di negara ini telah mengadakan berbagai-bagai majlis yang bercorak keagamaan.

Majis bertedarus dan sembahyang Tarawih adalah yang paling nyata dan mengambil tempat di bulan yang mulia ini. Masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat dan rumah-rumah perseorangan di seluruh negara apabila sahaja sembahyang fardu Isyak akan bergemalah suara umat Islam memuja dan memuji kebesaran Allah Subhanahu Wataala.

Kegemaan suara-suara merdu itu bukan sahaja kedengaran di bandar-bandar sahaja malahan telah menjalar ke daerah-daerah pedalaman dan kampung-kampung yang jauh dari segi perhubungan di seluruh pelusuk negara. Perkara sedemikian bukanlah merupakan satu fenomena baru malahan telah menjadi amalan tradisi orang-orang kita Brunei yang kuat beramal dan beragama sejak zaman datuk nenek kita lagi.

Satu perkara yang membanggakan kita ialah penyertaan daripada kalangan belia-belia dan kanak-kanak sekolah semakin menggalakkan. Dan ini satu petanda yang baik dalam kita mengasuh muda-mudi kita untuk mendekatkan dan berjinak-jinak dengan amalan-amalan yang berkebajikan demi mendapatkan keredaan Allah jua. Dan penjinakan belia-belia ke arah itu adalah satu manifestasi yang unggul dalam usaha kita melahirkan masyarakat yang berilmu dan beriman kerana sebagaimana yang kita sedia maklum dunia pada masa ini penuh dengan pancaroba dan dipenuhi dengan berbagai-bagai maksiat. Hal seperti ini perlu kita pupuk dan semai untuk menjadikan belia-belia kita masyarakat yang berguna dan bertanggungjawab kepada survival bangsa dan tanahair di hari kemudian kelak.

Sebagai kesimpulannya marilah kita laksanakan ibadat puasa itu dengan sesungguhnya dan dengan ketulusan hati demi mengabdikan diri kepada Allah sebagai mentaati perintah Allah dengan penuh keikhlasan tanpa berharap-harap kepada Allah akan balasan-Nya. Sebaliknya menyerahkan kepada Allah jua balasannya.

Dan yang utama dan mesti diutamakan sewajarnyalah kita merebut peluang beribadat di sepanjang bulan Ramadan ini seperti sembahyang Tarawih sama ada berjemaah atau bersendirian, mentedarus Al-Quran, memperbanyakkan sedekah, berzikir kepada Allah dan lain-lain amal ibadat yang berkebajikan bagi kita memuliakan bulan Ramadan yang mubarak ini.

Mudah-mudahan segala amal ibadat yang kita lakukan dengan penuh keikhlasan itu akan diterima Allah dan mendatangkan kehidupan yang lebih baik sama ada di dunia mahupun di akhirat.



MENGHAYATI Al-Quran...... Bertedarus di malam bulan Ramadan adalah satu amal ibadat yang sangat dituntut oleh agama Islam dalam menyemarakkan lagi bulan yang mulia ini.

## Sastera dan Budaya

# SYAIR SEBAGAI SARANA DAN WADAH PENYAIR DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIRI KETIGA

OLEH MAS OSMAN

SEBAGAI seorang pemikir yang dapat melihat perkembangan sesebuah negara dengan suatu pandangan yang jauh yang memerlukan rakyatnya berilmu pengetahuan dan berpelajaran, Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien menyedari perancangan yang tepat bagi kemajuan rakyat mesti diberikan perhatian yang secukup-cukupnya agar negara akan terus maju dan berkembang.

Baginda juga memberi tamsil ibarat menerusi syair seperti berikut :

*Ilmu itu pelita hati,*
*dapat mengira untung dan rugi,*
*senang menduga saudara sebati,*
*panduan memilih elok dan keji.*

*(Syair Perlembagaan Negeri Brunei)*

*Wahai juita laila kencana,*
*carilah ilmu laila berguna,*
*duduki persekolahan dengan baina,*
*dapat menambah akan sempurna.*

*(Syair Asli Rajang Hari)*

*Wahai anakanda laila bangsawan,*
*tuntutlah ilmu pengetahuan,*
*ilmu pelajaran mata panduan,*
*mata pelajaran punca haluan.*

*(Syair Laila Hasrat)*

Dengan ilmu pengetahuan dapat menambah pemikiran dan tahu memikirkan buruk dan baik serta akan dapat menjadi pedoman dalam kehidupan, seperti syair baginda, (i) "Panduan memilih elok dan keji."; (ii) "dapat menambah akal sempurna." dan (iii) "mata pelajaran punca haluan."

Dengan meninjau keadaan semasa, hasrat baginda itu telah terkabul dengan tertubuhnya beberapa pusat pengajian tinggi di negara ini.

Dengan yang demikian akan dapat melahirkan manusia Brunei Darussalam yang berilmu, berpendidikan dan mampu membawa negara ini ke arah yang setaraf dan sebanding dengan negara lain di alam jagat ini.

### Keagamaan

Bidang keagamaan yang menjadi teras kehidupan majoriti masyarakat Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam amat dititikberatkan oleh baginda, bersesuaian dengan ajaran-ajaran suci dan murni Islam itu sendiri yang memandang berat soal-soal bekerjasama dan saling bantu-membantu demi keutuhan negara. Syair baginda seperti :

*Bendera Islam pakaian negerinya,*
*ketua negara besar tiangnya,*
*rakyat sekalian jadi pasaknya,*
*baharulah baik peraturannya.*

*(Syair Nasihat)*

*Siasat agama bukanlah sempit,*
*tak dapat dikatakan hanya sekubit,*
*sebegitu luas bumi berlangit,*
*lebih luas agama terbit.*

*Agama tiada menyekat kemajuan,*
*tiada melarang sebarang pekerjaan,*
*ikhtiarkan dari segala jalan,*
*asalkan sahaja memberi kebajikan.*

*(Syair Perlembagaan Negeri Brunei)*

Kita di Negara Brunei Darussalam bersyukur kerana hidup dalam negara yang mengamalkan Islam sebagai pegangan negara yang dapat membawa kehidupan insan menjadi lebih sempurna.

Pandangan baginda, "agama tiada menyekat kemajuan" sungguh jelas menggambarkan hasrat baginda yang tulus ikhlas bahawa dengan beragama (merujuk pada Islam) kita akan dapat mengerjakan sesuatu yang membawa kebaikan bersama. Kerana, "siasat agama bukanlah sempit" ia merangkumi keseluruhan tatahidup manusia dan ia "sebegitu luas agama terbit", "Lebih luas agama terbit".

### Tugas Pentadbir

Untuk menjalankan pentadbiran negara, baginda memikirkan beberapa cara tertentu, iaitu kriteria sebagai individu yang diamanahkan untuk memberikan perkhidmatan yang cekap dalam memikul tanggungjawab dan melaksanakan tugas mentadbir negara.

Di antara kriteria yang disentuh baginda menerusi syair adalah seperti berikut :

*Syarat pertama bangsawan namanya,*
*bukan sahaja pangkat keturunannya,*
*berbaik-baik mengingat bangsanya,*
*hormat kepada saudara handainya.*

*Syarat kedua hartawan namanya,*
*bukan sebab banyak harta bendanya,*
*di sini dimaksudkan ialah fikirannya,*
*akal yang sempurna tak ada bandingannya.*

*Kerja dermawan syaratnya disebut,*
*bukan hanya menderma beragut-agut,*
*menegur bermadah berlemah lembut,*
*mendermakan nasihat tenaga berturut.*

*Keempat kesetiaan dagang sebutkan,*
*nilainya tinggi tak dapat dikatakan,*
*senang disebut payah dikerjakan,*
*hendaklah dicari serta didapatkan.*

*(Syair Perlembagaan Negeri Brunei)*

Selain daripada kriteria yang dinyatakan dalam siri-siri sebelumnya, beberapa rangkap syair lain juga menyentuh mengenai kepentingan individu yang menjadi pentadbir itu mestilah mempunyai :-

*Wahai juita laila budiman,*
*emas tempawan laila beriman,*
*tahukan undang-undang dan juga firman,*
*lailakan fikir akal siuman.*

*(Syair Asli Rajang Hari)*

*Mencintai Allah jangan berhenti,*
*mengingati ia beserta hati,*
*itulah pegangan yang sejati,*
*dunia akhirat menanglah pasti.*

*(Syair Nasihat)*

Adalah jelas kearifan Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien dalam memilih individu yang layak menjalankan tugas sebagai pentadbir, khususnya sebagai pentadbir kerajaan.

Menurut baginda, pentadbir mestilah ikhlas dalam menjalankan tugas dan tidak **'karit'** memberikan nasihat dan teguran yang membina, di samping cukup bersedia meluahkan fikiran bernas dengan suara yang manis dan lembut dengan tidak menyinggung peribadi orang lain atau menyakiti perasaan mereka, sesuai dengan, **"menegur bermadah berlemah lembut, mendermakan nasihat tenaga berturut."**

*Perlembagaan Negeri Brunei*

Perlembagaan Negeri Brunei yang ditandatangani dalam tahun 1959 adalah sejarah penting yang merupakan satu langkah bijak dan penuh bererti, bukan sahaja kepada baginda sendiri tetapi juga kepada seluruh rakyat negara ini.

BERSAMBUNG MINGGU DEPAN

***BIDANG keagamaan yang menjadi teras kehidupan majoriti masyarakat Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam amat dititikberatkan oleh baginda, bersesuaian dengan ajaran-ajaran suci dan murni Islam itu sendiri yang memandang berat soal-soal bekerjasama dan saling bantu-membantu demi keutuhan negara.***

***DENGAN meninjau keadaan semasa, hasrat baginda itu telah terkabul dengan tertubuhnya beberapa pusat pengajian tinggi di negara ini. Dengan yang demikian akan dapat melahirkan manusia Brunei Darussalam yang berilmu, berpendidikan dan mampu membawa negara ini ke arah yang setaraf dan setanding dengan negara lain di alam jagat ini.***

***KITA di Negara Brunei Darussalam bersyukur kerana hidup dalam negara yang mengamalkan Islam sebagai pegangan negara yang dapat membawa kehidupan insan menjadi lebih sempurna. Pandangan baginda, "agama tiada menyekat kemajuan" sungguh jelas menggambarkan hasrat baginda yang tulus ikhlas bahawa dengan beragama (merujuk pada Islam) kita akan dapat mengerjakan sesuatu yang membawa kebaikan bersama. Kerana, "siasat agama bukanlah sempit" ia merangkumi keseluruhan tatahidup manusia dan ia "sebegitu luas agama terbit", "lebih luas agama terbit".***

انيكا ANEKA Pelita Brunei

# WASIAT PENGORBANAN

CERPEN

OLEH
D. H. JULIE

SEPI sering menghantui dirinya. Namun Wati tetap tabah menghadapi dirinya yang seringkali dilanda dengan ketakutan. Perasaan takut sentiasa mengganggu perasaan. Sejak peristiwa tiga bulan yang lalu, Wati sudah jauh nampak berbeza. Segala-galanya berubah.

Dulunya Wati seorang yang periang sekarang. Azman yang hadir dalam hidupnya adalah satu-satunya lambang kehidupannya. Kepergian Azman melanjutkan pelajaran tetap menantikan Wati akan kebahagiaan. Wati begitu bahagia sekali sebelumnya kerana setiap bulan Wati menerima berita dari Azman dan ini meyakinkan Wati yang Azman telah mengambil berat tentang dirinya.

Di luar rumah, Wati duduk menyendiri. Hujan turun renyai-renyai. Wati cuma menatapi halaman rumahnya yang dipenuhi dengan bunga-bunga yang indah dan menambahkan lagi kecantikan dan keayuan pemandangan di sekelilingnya. Wati terus berlamun mengingat kisah silamnya sewaktu Azman masih di sisinya.

"Wati, adakah Wati bahagia bersama Az?" Azman mengeluarkan kata-kata yang mana juga Wati pasti menantikan pertanyaan itu.

"Az, kebahagiaan kita adalah terletak pada keikhlasan dan kejujuran hati Az dan Wati, sekiranya kita tidak bahagia tidaklah Wati mahu jumpa Az." Sifat nakal Wati membuatkan Azman jadi geram.

"Nakal," dengus Azman.

"Wati bukanlah nakal tapi Wati mengeluarkan kata-kata ini kerana Wati menyayangi Az."

"Wati, kata-kata Wati membuatkan Az yakin pada diri sendiri dan keyakinan Az menambahkan lagi kasih sayang Az terhadap Wati."

"Apa dia Wati, apa pun permintaan Wati tetap Az turuti."

"Az mahukah Az mencari pengganti diri Wati, kiranya...." Wati berhenti berkata-kata sebaik saja Azman cuba menutupi mulut Wati, Wati seolah-olah mahu memberitahu Azman sesuatu, sesuatu yang dirahsiakan selama ini.

"Wati jangan kaucuba berkata-kata begitu, jodoh pertemuan kita di tangan Tuhan."

Perbualan mereka terhenti sebaik saja lampu hijau menyala, mereka sama-sama membisu seribu bahasa. Di mata Wati yang jernih banyak menyembunyikan sesuatu.

"Salahkah aku berbuat begini," hati Wati berkata-kata seolah-olah dia mempunyai beribu masalah.

Kereta biru muda Corolla berhenti di hadapan halaman rumah Wati yang nampak ayu saja sesuai dengan nama yang digelarkan pada halaman rumahnya 'Villa Ayu'. Wati tersentak dari lamunannya, tanpa mengucapkan terima kasih pada Azman, Wati terus saja keluar dari kereta lalu terus menuju ke rumahnya.

Azman hanya sempat melihat Wati begitu murung sehingga Azman merasa bersalah sekali. Mula-mula Azman bertekad untuk menemui Wati kerana keraguannya Azman berpatah balik.

"Biarlah Wati berehat mungkin dia letih," hati kecil Azman berbisik. Kereta biru meluncur meninggalkan 'Villa Ayu.'

Wati terus saja melontarkan dirinya di atas katil, tanpa menyedari Wati telah dialun mimpinya.

Sepi tetap menyelubungi Azman, resah makin berpanjangan. Pertanyaan demi pertanyaan silih berganti di ruang fikiran Azman.

"Apa yang cuba Wati katakan padaku, adakah Wati sudah punya....atau adakah Wati....." Ah! sudahlah mungkin adalah satu anggapanku.

"Dring....Dring....Dring...." telefon di ruang tamu berdering.

Azman berlari menuju ruang tamu dan berfikir yang menelefon itu ialah Wati. "Mungkin Wati ingin mengatakan sesuatu padaku," hati kecilnya berbisik sebaik saja dia menjawab telefonnya.

"Hello....rumah Haji Ahmad....ya saya Azman," Azman terus berbual dengan rancaknya seperti dia mengenali suara itu.

"Bila saya akan berangkat tuan?" Azman terus bertanya. "Apa esok? Kenapa cepat sekali tidakkah dapat tuan tangguhkan ke minggu hadapan?"

Azman nampak risau kerana serta-merta meninggalkan Wati walaupun masalah belum selesai.

"Baiklah saya akan datang ke lapangan terbang tepat pukul dua petang.... terima kasih....jumpa esok."

Azman meletakkan gagang telefon lalu terus pergi ke halaman rumah, dia pun tidak tahu apa yang akan dibuatnya, sedangkan masalahnya Azman ingin tahu apa yang sebenarnya berlaku pada Wati.

Azman pergi ke ruang tamu semula lalu menuju ke gagang telefon. Nombor yang ditekannya ditujukan pada rumah seorang yang bergelar Dato.

"Dring....Dring....Dring...." telefon belum juga diangkat. "Hello...., ya."

"Hello, boleh saya cakap dengan Wati."

"Ya, ni siapa sebetulnya...."



"Azman."

"Oh ya!....Bong Azman, Neng Wati sedang tidur....ada pesan apa-apa."

"Bibie boleh kejutkan Neng Wati....Azman ada hal nak cakap dengan Neng Wati."

"Baiklah. Tunggu sebentar ya."

Dalam beberapa minit Wati datang menjawab telefonnya. Dia nampak tidak bermaya bila menjawab telefonnya. "Hello, Wati cakap."

"Hello, Wati, Azman ingin cakap dengan Wati tentang pemergian Azman."

"Kenapa?" Wati nampak serius saja.

"Wati, Azman terpaksa meninggalkan tanahair dan juga orang yang Azman sayangi kerana masa tidak mengizinkan kita untuk bersama buat masa ini. Azman harap Wati ikhlas atas pemergian Azman ini. Apa yang Az harap Wati setia menanti kepulangan Az."

"Pukul berapa Az akan berangkat esok?"

"Az akan berada di lapangan terbang pada pukul dua petang, dan kapal terbang akan meninggalkan tanahair pada pukul tiga petang."

"Doaku mengiringi pemergianmu Az," titisan demi titisan air mata Wati berguguran. Wati tidak menyedari dia tidak dapat menahan esak tangisannya.

"Wati janganlah kau tangisi atas pemergianku. Anggaplah aku berada di sisimu walaupun kita tetap berjauhan nanti."

Lapangan terbang sudah dipenuhi dengan berbagai bangsa menantikan pelayaran mereka. Jam di tangan Azman sudah hampir dua setengah petang namun Wati belum lagi muncul. Saat bagi meninggalkan tanahair sudah tiba.

Setelah membuat pemeriksaan, Azman ternampak seorang gadis yang seperti dikenalinya. Gadis itu nampak ayu sewaktu dia mengenakan baju kurung biru muda dengan selendang putih.

Gadis itu menghampiri Azman perlahan-lahan. Azman tersenyum dengan kehadiran Wati walaupun Wati hadir di saat yang terakhir dan tidak dapat memberi kesempatan pada Azman untuk berbual dengan Wati lebih panjang lagi sebelum pemergiannya.

"Az maafkan Wati kerana terlambat. Az terimalah pemberian Wati ini untuk tanda kasih Wati pada Azman," Wati menyangkutkan selendang putih itu ke leher Azman. Azman menerimanya dengan penuh bahagia. Senyum manis Wati mengakhiri pemergian Azman.

Apabila Wati ingin menyebut sesuatu, Azman cuba menghalang, "jangan ucap selamat berpisah Wati. Kita bukannya berpisah untuk selamanya. Satu hari nanti kita pasti akan bertemu. Kuharap kau sedia menantikan kepulanganku di sisimu. Kesetiaanmu adalah satu harapan buatku Wati...."

**DI LAPANGAN terbang dipenuhi dengan orang ramai. Kemunculan Azman dinantikan oleh keluarga Azman. Pemuda segak bergaya muncul di pintu bilik ketibaan, semua ahli keluarga meluru ke arah Azman. Pemergian Azman selama tiga tahun tidaklah terasa pada Azman. Azman dulu tetap Azman dulu tidak ada berubah tidak ada perbezaannya. Cuma yang nampak berbeza Azman nampak berlainan kerana dia tidak nampak bahagia sekali. Mungkin kerana kedatangannya tidak disambut oleh Wati. Setibanya di rumah, Azman terus mendail ke rumah Wati.**

LIHAT MUKA 5

DARI MUKA 4

"Az, jangan lupa kirimkan berita buatku sesampaimu di sana. Tanpa berita darimu kita bagaikan berjauhan."

"Walau kita berjauhan di hujung dunia pun Wati, namun kautetap di hatiku."

"Aku pun begitu jua, Az...."

Azman masuk ke bilik perpisahan meninggalkan keluarganya dan Wati yang dalam kesepian.

Wati tersentak dari lamunannya. Selama ini Wati berkhayal mengenangkan Az. Wati terus mengeluh dan menuliskan dalam diarinya "Hanya Ogos saja yang tahu." Kepulangan Azman hanya tinggal dua minggu saja lagi. Wati sabar menantikan kepulangan orang yang disayanginya. Setiap muka surat ditulis dengan baris ke baris tentang dirinya. Masa berlalu begitu cepat sekali. Detik kepulangan Azman sudah tiba.

Di lapangan terbang dipenuhi dengan orang ramai. Kemunculan Azman dinantikan oleh keluarga Azman. Pemuda segak bergaya muncul di pintu bilik ketibaan, semua ahli keluarga meluru ke arah Azman.

Pemergian Azman selama tiga tahun tidaklah terasa pada Azman. Azman dulu tetap Azman dulu tidak ada berubah tidak ada perbezaannya. Cuma yang nampak berbezanya Azman nampak berlainan kerana dia tidak nampak bahagia sekali. Mungkin kerana kedatangannya tidak disambut oleh Wati. Setibanya di rumah Azman terus mendail ke rumah Wati.

"Hello, ini rumah?"

"Ya betul,....ini siapa?"

"Ini Bibie ya. Ini Azman teman Wati, Wati mana Bie?" Azman bergegas bertanya Wati pada Bibie. Namun begitu serba salah untuk menjawab pertanyaan Azman itu. Azman kehairanan.

"Bung Azman, Bibie tidak tahu apa nak cakap dengan Bung, beginilah lebih baik Bung datang ke sini berjumpa dengan Dato....mungkin Dato dapat menerangkan segala-galanya."

"Kenapa dengan Wati Bie. Adakah Wati sudah ber...." Azman tidak meneruskan kata-katanya dan hanya mengeluh.

"Lebih baik Bong Azman tidak meneruskan kata-kata..." Bibie memprotes.

"Baikah....Azman akan ke sana secepat mungkin hari ini juga."

Azman terus menuju ke keretanya dan tidak memperdulikan teguran ibunya.

"Azman, Az nak ke mana ni, kau baru saja sampai. Kau berehatlah dulu, kan esok masih ada. Az bolehlah jalan esok petang. Ini baru saja sampai dah nak pergi."

Azman menghidupkan enjin keretanya terus meluru ke tempat yang dituju. Di benak kepalanya hanyalah Wati sahaja — apa yang terjadi dengan Wati. Kereta biru terus menuju ke sebuah rumah besar kepunyaan ayah Wati. Rumah yang dulunya riang dengan kicauan burung Wati kini menjadi sepi saja, namun keayuan 'Villa Ayu' tetap seperti biasa.

Kehadiran Azman tidak lagi disambut dengan siulan dan kicauan burung kepunyaan Wati. Azman menatapi halaman rumah Wati, masih seperti biasa tidak ada perbezaannya, seolah-olah halaman rumah itu tidak dibenarkan diubahsuai. Azman menuju ke pintu rumah namun di dalamnya tetap sunyi sepi tidak ada teriakan budak-budak yang Azman fikirkan Wati sudah bersuami dan kini beroleh beberapa orang anak, namun teriakan yang Azman anggap itu tidaklah benar apalagi hendak mendengar ketawa riang Wati, tidak ada sama sekali.

Azman menatap gambar yang bergantung di dinding kalau-kalau ada gambar perkahwinan Wati. Namun apa yang Azman nampak hanyalah gambar seorang gadis yang Azman kenali selama ini yang tetap ayu menyerikan dinding rumah ruang tamu Wati.

"Ehm...." suara dehem seorang wanita dari sebelah belakang.

Azman terkejut mendengar dehem itu yang seperti suara Wati. Azman mulanya gembira bila mendengar suara itu dan harapannya dapat bertemu Wati semula. Azman mencari-cari suara itu.

"Azman...."

Azman menoleh ke belakang dan melihat seorang wanita yang setengah umur berdiri di belakangnya. Wanita itu menyerupai wajah ayu Wati, dia adalah ibu Wati.

"Azman silakan masuk....Ibu akan ceritakan segala-galanya."

Azman mengikuti ibu Wati di belakang menuju ruang tamu. Ayah Wati sudah menantikan kedatangan Azman dengan gelisah di ruang tamu serba indah tapi sepi.

"Apa khabar....pakcik," Azman menghulurkan tangan tanda persalaman.

"Baik." Azman dipelawa duduk namun di wajah ayah Wati tidak menampakkan kemarahan.

"Pakcik, Azman minta maaf. Az minta keizinan pakcik untuk berjumpa dengan Wati kiranya pakcik mengizinkannya Azman nak membawanya pergi bersiar-siar."

"Nak Azman....tak usahlah kau minta izin pada pakcik. Wati bukanlah milik pakcik dan bukan juga milik Azman....tapi."

"Tapi kenapa pakcik?" Percakapan itu penuh dengan tanda tanya, adakah Wati milik orang lain?" Hati kecil Azman berbisik.

"Kau ikut aku, aku akan tunjukkan di mana Wati berada sekarang." Ayah Wati masuk ke kereta Volvonya. Azman mengikutinya dari belakang. Di dalam kereta tidak sepatah pun berkata-kata. Kereta yang dipandu menuju ke suatu tempat yang Azman pasti tidak percaya. "Inilah tempat Wati sekarang, Yang Maha Berkuasalah yang memilikinya sekarang."

"Ah!....tidak mungkin....." setitik demi setitik air mata Azman berderai tanpa dipaksa.

"Azman jangan kau tangisi atas pemergiannya. Walaupun kita menyayanginya tapi ada lagi yang lebih sayang padanya. Kita yang hidup ini hendaklah berdoa agar rohnya dicucuri rahmat. Inilah satu-satunya yang ditinggalkannya padamu." Ibu Wati menyerahkan sebuah diari pada Azman. Azman menerimanya dengan tabah.

"Kematiannya sudah sebulan yang lalu. Sebenarnya kami ingin memberitahu khabar ini padamu tapi atas permintaan Wati sebelum meninggal dunia dia berpesan pada kami supaya tidak menyampaikan berita buruk jika apa-apa terjadi. Lagipun dia tidak mahu mengganggu pelajaranmu."

"Kenapa terjadi pada Wati sehingga dia menjadi begini."

"Dia meninggal kerana kanser kepala. Kami sendiri pun tidak tahu kerana dia tidak memberitahu kami tentang penyakitnya. Dia menghidap penyakitnya ini sudah tiga tahun. Sebulan yang lalu sebelum kepulanganmu dia dihantar ke rumah sakit setelah jatuh dari tangga. Dan dicuba dirawat tapi....Allah lebih menyayanginya. Dari keterangan doktorlah kami mengetahui akan penyakitnya. Kami cuba berusaha untuk mengubatinya tapi tidak berjaya. Ini semua kehendak takdir," dengus ayah Wati.

Setelah mengunjungi pusara Wati, Azman pulang dengan hati yang sedih dan kecewa. Azman mengambil selendang Wati yang diberinya tiga tahun yang lalu. Azman teringat pada diari Wati yang diberi oleh ibu Wati tadi. Azman membaca setiap muka surat. Di akhir muka surat tersebut pemergian Wati, Wati sempat menulis di akhirnya. Azman membaca dengan teliti dari baris ke baris.

"Azman kiranya kau dapat membaca apa yang tertulis di sini, aku sungguh bahagia sekali, kerana kau pulang dengan membawa sekalung ijazah dan sekeping hati. Azman sebenarnya aku begitu bahagia sekali kerana kau begitu mengambil berat tentang diriku apa lagi kau begitu menyayangiku dan kebahagiaanku ini biarlah kubawa bersama. Az..... kehidupanku dilingkari dengan ketakutan. Aku takut kehilangan segalanya tapi setelah kusedari selama ini bukan aku yang akan kehilanganmu tapi semua yang menyayangiku akan kehilanganku."

Azman terhenti sejenak menahan sebak di dada.

"Azman dulu pernah aku bertanyakan sesuatu padamu tentang diriku. Kini permintaanku hanyalah supaya kau dapat mencari pengganti diriku. Azman, kiranya kau dapat mencintaiku dapatkah kau mencintai orang lain — maksudku orang yang kupilih menjadi penggantiku."

Azman teringat pada masa silamnya yang lalu tentang janjinya pada Wati dahulu, segala permintaan Wati akan diturutinya.

"Azman aku tidak memaksa jika kau dapat menerimanya atau tidak tapi segalanya sudah kuceritakan padanya tentang hubungan kita. Jika kau sudi datanglah ke rumah ayah Wati kau akan tahu segala-galanya."

Di akhir baris Azman sempat membaca ayat yang tertulis:-

'Hanya Ogos saja yang tahu.'

Azman pergi ke rumah ayah Wati dan menerangkan segala-galanya.

"Azman sebenarnya sudah kami ketahui segala-galanya. Itu kami tidak memaksamu untuk menurut kata-kata Wati. Segala keputusan berada di tanganmu. Jika apa yang akan kau pilih itu adalah hakmu."

"Tapi pakcik selama ini Wati tidak menceritakan pada Azman yang dia mempunyai seorang untuk bakal menjadi pilihannya."

"Ya benar....Mungkin ini sudah Wati rasakan sebelum pemergiannya."

"Pakcik begitu sukar bagi Az untuk menukarkan kasih sayang Az pada sesiapa walaupun sedarah sedaging orang yang saya sayangi."

Tiba-tiba muncul seorang gadis yang berselendang putih. Selendang yang dipakai oleh gadis itu sama seperti selendang yang berada di tangan Azman pemberian dari Wati. Dari susuk tubuh gadis itu sama dengan tubuh Wati. Azman rasa keliru sekali. Bila saja gadis itu menoleh ke arah Azman, Azman kehairanan kerana apa yang dilihatnya di hadapan adalah wajah seorang gadis yang dikasihinya.

"Tidak mungkin...." Azman berbisik pada dirinya. "Bukankah Wati sudah tiada."

"Ya benar Wati sudah tiada....tapi cuba kau perhatikan gambar yang tergantung di dinding ruang tamu itu. Kau pilih siapa Wati dan siapa aku."

Gambar itu tidak ada perbezaannya. Azman tambah keliru lagi.

"Jika kau tahu siapa Wati atau salah satu gambar itu kau tahu di antara Wati dan aku percaya kau tidak dapat memberikan kasih sayangmu pada orang lain."

"Tidak mungkin, aku tidak dapat mengesan yang mana satu Wati."

"Tapi kaulihat aku dapatkah kau bezakan aku dengan Wati?"

"Aku tidak dapat berbuat begitu antara kamu tidak ada perbezaannya."

"Azman maafkan aku berbuat begitu sebenarnya aku pun tidak mahu memaksa dirimu, lagi pun kerana orang yang lebih aku sayang aku terpaksa mengikut wasiatnya. Aku korbankan cintaku pada orang lain hanya kerana Wati, kerana dia tidak dapat merasakan hidup ini dengan lebih lama lagi. Dia cukup menderita kerana penyakitnya yang ditanggungnya selama ini." Yati terus meluru ke bilik tidurnya dengan esak dan tangis.

"Nak Azman....kamipun sebenarnya tidak setuju atas permintaannya pada Yati untuk menggantikan tempatnya."

Mereka sama-sama membisu. Kamar yang begitu indah telah menjadi sepi. Azman menatap gambar dua orang gadis yang tidak berbeza antara Wati dengan Yati.

"Nak Azman. Kiranya pun Wati tidak meninggalkan apa-apa wasiat, pakcik percaya diri Azman juga pasti memerlukan kasih sayang dari seseorang. Pasti Azman akan mencari orang yang serupa dengan diri Wati. Dan jika pun Azman ingin memilih pilihan yang Azman suka pakcik percaya Azman akan memilih yang baik untuk Azman."

"Makcik, pakcik. Azman tidak membuat pilihan pada orang lain. Apa yang baik difikirkan oleh Wati maka baik jugalah bagi Azman. Azman menuju ke bilik Yati dan mengetuk pintu bilik Yati. Yati keluar dengan perlahan.

"Yati maafkan Azman. Jika Azman melukai hati Yati. Azman faham akan perasaan Yati terhadap adik yang Yati sayangi. Jika Yati sanggup berbuat begini hanya kerana Yati sayang pada Wati, kenapa pula diri Az tidak sanggup berkorban hanya kerana cinta Wati terhadap diri Az. Az percaya satu masa nanti kasih kita hadir pun kerana satu wasiat. Apa yang Az harap pada diri Yati agar Yati melupai kisah silam diri Az dengan Wati kerana Az takut nanti masalah ini akan timbul jika ada pertengkaran."

"Az....Yati bersedia hanya kerana Wati."

"Yati jangan kau sebut segala yang kau lakukan ini hanya kerana Wati, kau anggaplah apa yang kau lakukan ini kerana keikhlasan hatimu padaku."

## PUISI

### RAMADAN

Kedatanganmu kusambut
dengan hati yang riang
bagai menanti sang bayi yang
baru lahir ke dunia.

Allahuakbar,
Alhamdulillah hirrabbil Alamin
ungkapan murni yang suci adalah
tasbih dari hati
hamba-hamba-Mu

Pilu kerana sewaktu itu
kau sudahpun pergi meninggalkan
diriku jauh
tapi tahun ini kau datang lagi
atas kudrat dan iradat Ilahi
menjelma untuk pengabdian
manusia sejagat
atas kehendak qadak dan qadar

Bersinarlah dunia ini
dengan keimanan
malam akan terang benderang
hikmat dan nikmat dirasai
setiap insan
yang muslim

Aku merinduimu setiap degup jantungku
turun naik bertasbih
mengucap syukur
kerana dipertemukan
Ramadan yang mulia.

**RIFA HB.**

### RAMADAN

Ramadan....
kau datang lagi
pada harga dirilah
diberikan semangat keislaman
penuh semangat keinsafan dan
semangat ketabahan
dalam menempuh segala ujian
dengan penuh kerelaan.

### BERIKAN KEKUATAN

Tika subuh menguntum sinar
sekeping hati nan layu
meminta sesuatu dan harapan
agar jasmani dan rohani
semoga dapat berpadu satu.

Dan....
sekeping hati nan retak
meminta sesuatu pengorbanan
dalam kehausan dan kesegaran budi
supaya dapat diberi kekuatan.

**ADI JIWA**
**BRUNEI DARUSSALAM.**

### KUMASIH SENANG SENDIRI

Kumasih inda mau mencintai dicintai
Kumasih senang sendiri
jalan hidup belum pasti
ke mana mau ditujui?!

Kumasih inda tentu arah
digoyang hawa nafsu-nafsi
yang keji

Bisakah membina cinta suci?!

### SAMA-SAMA BERGANTUNG REZEKI DARI-NYA

Kurasa terhina bila kaukatakan
— Apa ada kerja kontrak
sedang kuinda pernah minta makan darimu
inda pernah minta makan darimu.

Apa kerana kerja kontrak
kuinda bisa hidup senang dan berbahagia?

Kita sama
inda peduli kerja kontrak
BSP dan kerajaan
sama-sama bergantung rezeki dari-Nya
dan rezeki itu
merupakan suatu sumber dugaan dari-Nya
Apa kita bersyukur, putus asa
atau menyeleweng dari-Nya

Kebahagiaan itu, kawan
inda terletak di pekerjaan
pangkat dan harta
ia terletak di budi
akal dan agama
yang nampaknya dah dinodai materialisma
mencemari keharmonian kehidupan ini.

**APANDI HAJI ALI.**
**KUALA BELAIT.**

انيکا ANEKA Pelita Brunei

سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

## سکيتر ار. تي. بي
## SEKITAR RTB

# UNTUK BISKITA

## APA PENDAPAT BISKITA

### MAJLIS TAHLIL DAN DOA ARWAH, PERANANNYA BUKAN HANYA MEMENUHI TUNTUTAN AGAMA MALAH MENYATUPADUKAN MASYARAKAT

AGAMA Islam telah menggariskan tuntutan-tuntutannya bagi kehidupan manusia dan umat Islam khasnya. Setiap tuntutan yang digariskan mempunyai kelebihan dan tujuan-tujuan tertentu yang kadang-kadang kita sendiri tidak menyedarinya. Begitu juga halnya dengan Majlis Tahlil dan Doa Arwah, ia bukan hanya sekadar memenuhi tuntutan agama, malah ia berperanan penting dalam menyatupadukan masyarakat. Melalui majlis ini kita dapat melihat satu model perpaduan yang dapat diambil contoh bahkan ia merupakan satu gambaran nyata bagi satu perpaduan.

Dalam sesuatu Majlis Tahlil, orang-orang kampung, saudara-mara berkumpul pada satu tempat dan duduk makan sehidangan. Majlis diketuai oleh seorang imam dan diikuti oleh jemaah yang lain dan sama-sama menyempurnakan perjalanan majlis. Keadaan ini menggambarkan kepada kita bagaimana sebuah kelompok masyarakat yang bersatu padu. Dalam sesebuah kelompok masyarakat tidak boleh tidak mesti mempunyai seorang ketua atau pemimpin yang dipercayai dan ditaati, dan setiap ahlinya pula mestilah bekerjasama dalam menjayakan satu-satu rancangan atau projek kehidupan. Setiap anggota masyarakat mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dan mereka berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dalam menunaikan tanggungjawab mereka.

Dari segi yang lain pula majlis ini memberikan kesedaran kepada kita betapa kehidupan bermasyarakat tidaklah seorang diri menongkat langit. Pada setiap urusan suka duka, kita memerlukan bantuan dan sokongan orang lain, setiap anggota masyarakat saling perlu memerlukan antara satu sama lain dalam suasana perpaduan. Demikianlah peranan Majlis Tahlil, menggambarkan kepada kita satu perpaduan yang kuat yang patut kita contohi dan kita amalkan dalam semua aspek kehidupan.

**Pengirim :**
**Sarkawi Haji Abu Bakar**
**11 F Kg. Sungai Kedayan A**
**Bandar Seri Begawan 2083**
**Negara Brunei Darussalam.**

Tajuk akan datang ialah : 'Puasa Bulan Ramadan Suatu Cara Mengajar Kita Berekonomi'.

Tarikh tutup penyertaan - 17 Mac, 1992.

# PERANCANGAN LATIHAN, BAHAGIAN RANCANGAN/BERITA RTB

**Siri kedua**

RTB terbahagi kepada empat buah divisen yang besar - Rancangan-rancangan, Kejuruteraan, Berita/Hal Ehwal Semasa dan Pentadbiran - masing-masing diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Peringkat Pengurusan (management levels) di RTB terbahagi kepada empat - (top, senior, middle dan line management levels). Seorang Penolong Pengarah adalah berfungsi sebagai eksekutif (general management) yang membentuk, membina dan memelihara divisen itu dengan membuat keputusan dasar, menentukan arah yang dituju oleh divisen tersebut; memperuntukkan sumber-sumber dan memata-matai penghasilan dan sebagai 'problem recogniser dan definer'. Mereka ini adalah dalam 'senior' management level seorang ketua divisen ini bertanggungjawab kepada sekurang-kurangnya 150 orang dan setinggi-tingginya 550 orang.

Seorang ketua divisen itu dibantu oleh beberapa orang ketua pengurus (divisen rancangan-rancangan ada 5 orang ketua pengurus dan divisyen kejuruteraan ada 7 orang). Ketua Pengurus (Operation Management) ini bertanggungjawab mengenai 'operational functions' - pengendalian am (general operations) dan pengurusan penyelesaian masalah (management problem solving). Mereka ini termasuk dalam kumpulan 'Middle Management Level' - mengetuai Bahagian Besar ataupun sub- divisen. Seorang Ketua Pengurus bertanggungjawab kepada sekurang-kurangnya 70 orang dan setinggi-tingginya 180 orang.

Seorang ketua pengurus pula dibantu oleh beberapa orang pengurus (sekurang-kurangnya 2 orang dan sebanyak-banyaknya 7 orang). Seorang pengurus mengetuai satu bahagian, yang mengendalikan jentera operasi bahagian dan divisen dan merekalah yang menyediakan nadi perantaraan (tenuous interface) antara pihak pengurusan atasan dengan jumlah terbesar kumpulan pekerja yang membuat/melaksanakan kerja/tugas yang sebenarnya. Dalam peristilahan organisasi mereka ini dikategorikan 'Line Management'. Mereka bertanggungjawab serendah-rendahnya kepada 5 orang dan sebanyak-banyaknya 50/70 orang. Bagi mereka yang dipertanggungjawabkan kepada jumlah yang ramai bahagian itu dipecahkan kepada beberapa UNIT.

Berdasarkan kepada pecahan/pembahagian fungsi di atas, RTB telah menubuhkan satu Jawatankuasa Tertinggi Latihan (MTC) dan dua buah Jawatankuasa Latihan Kecil [J/K Latihan Rancangan dan Berita (PNTC) dan J/K Latihan Kejuruteraan (ETC)]. PNTC bersidang sebulan sekali untuk merancang, mengenalpasti dan menentukan aktiviti latihan bagi divisyen rancangan-rancangan dan divisyen berita dan hal ehwal semasa. Begitu juga ETC bagi divisyen kejuruteraan. Segala hasil persidangan, sokongan dan cadangan dari PNTC dan ETC itu dihadapkan kepada MTC untuk penelitian, penentuan dan 'endorsements'. Pihak bahagian latihan pula memproses dan melaksanakan keputusan dari MTC itu.

Bagi tahun 1992 ini, RTB telah dipilih untuk menjadi tuan rumah kepada 3 buah kursus (2 Regional dan 1 In-Country). Manakala tawaran telah diterima (setakat ini) untuk menghantar pegawai/kakitangan hingga ke bulan Ogos. Hampir setiap bulan sekurang-kurangnya seorang pegawai dihantar keluar negeri berkursus. Tawaran yang disebutkan di sini ialah dari AIBD yang berpusat di Kuala Lumpur, Malaysia. Perancangan juga dibuat untuk menghantar pegawai ke SBC, JICA dan Thomson Foundation di UK. Kursus ini adalah bagi tempoh antara 4 minggu hingga 12 minggu. Manakala beberapa orang pakar dari luar negeri juga akan didatangkan untuk memberi latihan kepada pegawai/kakitangan RTB. Perancangan juga akan menggunakan pakar-pakar dari institusi tempatan - UBD dan ITB. RTB juga ada perancangan untuk mengendalikan kursus latihan dalam jabatan.

Untuk konteks ini penulis hanya akan menumpukan makluman mengenai aktiviti-aktiviti latihan bagi divisen rancangan-rancangan dan divisen berita/hal ehwal semasa. Bahagian latihan rancangan dan berita merancang akan mengendalikan aktiviti-aktiviti latihan seperti berikut :

Suai kenal (2 kali)
Ulang kaji (1 kali)
Word Processing (X kali)
Asas Penyeliaan (3 kali)
Kemahiran Penyeliaan (2 kali)
Kemahiran Komunikasi (3 kali)
Coaching and Counselling (1 kali)
News Production (1 kali)
Radio Production (1 kali)
TV Direction (1 kali)
PA Training (1 kali)
Script Writing for drama (1 kali)
Descriptive Writing (1 kali)
Screenwriting (1 kali)
Team Building (1 kali)
Team Management (1 kali)
Taklimat Perkeranian (4 kali)
Taklimat Adat Istiadat (2 kali)
Taklimat Amalan Mukmin (1 kali)
Sistem Ejaan Baru Rumi (1 kali)
Rhythm and Notes Reading (1 kali)
Pembetulan Sebutan (X kali)

Seperti yang ditekankan di atas setiap perancangan itu hanya dapat dilaksanakan jika konstrain-konstrain dapat diatasi. Pihak penulis pun tidak terlepas dari gejala-gejala (training barriers) penghalang latihan. Walau macam manapun insya-Allah akan diusahakan juga sedaya-upayanya.

# OTAK-OTAK UDANG




**Bahan-bahannya :**

½ kg udang yang sederhana besarnya
1 biji telur (kuning sahaja)
3 batang serai ambil pangkalnya sahaja
1 cawan pati santan dari 1 kg. kelapa)
10 tangkai cili kering
1 sudu besar ketumbar
10 biji bawang kecil
3 biji bawang putih
5 helai daun limau purut (dihiris halus)
5 tangkai daun ketumbar (dihiris)
4 x 2sm lengkuas
garam secukup rasa
daun pisang untuk pembungkus
lidi atau thootpick.

**Cara membuatnya:-**

1. Bersihkan udang, buang kulit, cuci lalu toskan.
2. Ketumbar, cili, bawang merah/putih, serai, lengkuas digiling.
3. Perah santan tanpa menaruh air ambil patinya sahaja.
4. Pukul pati santan di dalam sebuah mangkuk hingga kelihatan berminyak.
5. Masukkan rempah-rempah yang telah digiling bersama kuning telur, garam, daun ketumbar dan daun limau purut yang telah dihiris halus (tinggalkan sedikit untuk tabur) kacau hingga rata.
6. Ambil kira-kira 12sm daun pisang lipat kedua penjuru, semat dengan lidi. Buat kira-kira 15 keping.
7. Ambil sebiji mangkuk. Daun pisang tadi isi 2-3 keping udang bersama ramuan no. 5 tabur daun ketumbar dan limau purut. Buat hingga habis.
8. Kukus di dalam kukusan dan tutup dengan foil. Kukus selama ½ jam.
9. Hidangkan bersama nasi atau roti.

**NYA NINI . . .**

# KANAK-KANAK GUNDAH TIDUR

SELALUNYA kanak-kanak berumur 1 hingga 5 tahun, apabila tidur mereka akan gundah ke kiri dan ke kanan, hinggakan kita hampir tidur dengannya susah tidur dibuatnya.

Ada satu petua yang boleh mencegah daripada gundah tidur. Isikan air ke dalam botol hingga penuh. Kemudian air tersebut taruh di tepi (siring) kanak-kanak yang sedang tidur, insya-Allah kanak-kanak tersebut tidak gundah lagi.



RTB
سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

# مناريق ميغݢو اين
# MENARIK MINGGU INI

## RAMPAI PAGI

### HARI JUMAAT

1. Sesi soal jawab penghulu dan ketua-ketua kampung seluruh negara.
2. Sari buku.
3. Seminar Pergerakan Belia.
4. Aktiviti bulan Ramadan.
5. Kuiz Telefon.

Jangan lupa mengikuti rancangan ini pada hari Jumaat 13 Mac, 1992 jam 8.30 pagi.

### HARI AHAD

1. Operasi Jabatan Perjawatan.
2. Jualan hari raya anjuran Persatuan Belia Daerah Belait.
3. Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei.
4. Kuiz Telefon.

Jangan lupa mengikuti rancangan ini pada hari Ahad 15 Mac, 1992 jam 8.30 pagi.

## LIPUTAN SEMASA MINGGU INI

**RABU, 11 MAC**

MAJLIS Perjumpaan Di Antara Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Dengan Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang.

**JUMAAT, 13 MAC**

SEMINAR Belia.



TAYANGAN gambar 'Crime Club' akan ditayangkan pada hari Isnin 16 Mac jam 9.50 malam.

## RANCANGAN AGAMA DI RADIO SEPANJANG RAMADAN

1. Menghayati Ramadan — 6.00 petang.
2. Menjelang Sungkai — 6.15 petang (relay Tv).
3. Siaran Langsung Bertedarus dari Masjid Omar Ali Saifuddin — 9.00 malam setiap malam kecuali hari Khamis — 9.30 malam.
4. Kaca mata Ramadan — 2.15 petang setiap hari kecuali hari Jumaat — 2.30 petang.
   Ulangan : 7.45 malam.
5. Ceramah Ramadan : 1.45 petang setiap hari kecuali hari Jumaat — 2.00 petang.

## RUMAH KEDAI

**SURAT DAN HASRAT**
**11 Mac, 92**

HABSAH dan Mak Lijah diburu bimbang bila menerima surat dari emak Karim yang menyatakan rindunya pada Fatin. Habsah takut Fatin akan diambil oleh keluarga Karim. Sebaliknya kedatangan emak Karim ialah bertanyakan kedudukan harta sepeninggalan Karim.

**PEMBEKAL**
**12 Mac, 92**

SETELAH memakan kuih puding yang dibuat oleh Mak Lijah semua sakit perut. Sementara itu Mak Limah pula diminta menyediakan kek oleh seorang jiran, merasa malu kerana keknya menjadi keras. Apakah puncanya?

**MARAH**
**13 Mac, 92**

FAIZAL, teman Tapa dan Remy akan melangsungkan perkahwinan. Tapi Faizal dan Aini diugut oleh bekas teman lelaki Aini, Badrul. Faizal meminta bantuan Tapa dan Remy.

**SERBA SALAH**
**14 Mac, 92**

HABSAH berhasrat untuk berhenti mengajar disebabkan oleh guru besarnya. Sementara itu pula Remy ditegur oleh Pak Halim kerana memulangkan stok barang yang dipesan dari Johari.

**JERITAN BATIN**
**15 Mac, 92**

TAPA terpengaruh dengan filem 'Ibu Mertuaku'. Disebabkan Remy mengeluarkan kata-kata kasar Mat Yasir Tersinggung.

**LANGKAH BARU**
**16 Mac, 92**

MAK Lijah, Tapa, Remy dan Mak Limah menaruh perasaan syak dan curiga terhadap tindak-tanduk Pak Halim. Apakah tindak-tanduk Pak Halim itu?

**BERGURAU AJE**
**17 Mac, 92**

RAHIM tertarik dengan seorang janda muda bernama Azizah. Remy menulis surat yang kononnya ditulis oleh Azizah dan dihantarkannya kepada Rahim. Sementara itu Mak Limah sibuk dengan rancangannya untuk menjodohkan Azizah dengan Haji Murad tetapi mendapat tentangan dari Pak Halim.

**KHAMIS 12 MAC**

### WILD SOUTH
### 'Gull City'

MUNCULNYA Gull City disebabkan dengan tertubuhnya beberapa kumpulan burung-burung. Di beberapa tempat di pinggir kota terdapat sejenis burung yang sudah lumrah dilihat — 'Seagull'. Inilah filem dokumentari yang akan dapat ditonton melalui siri Wild South pada hari Khamis nanti.

## REKASENI

RANCANGAN Rekaseni minggu ini akan menunjukkan cara-cara membuat Bunga Ros Daripada Riben Nipis.

Rancangan ini seperti biasa akan disiarkan pada hari Selasa kira-kira jam 9.30 pagi.



PELAKON utama yang menjayakan siri Rumah Kedai yang disiarkan sepanjang bulan Ramadan.

## Tirai Keluarga تيراي كلوارݢ

**AHAD, 15 MAC (7.50 MALAM)**

### MENGEJAR PELANGI

MENGEJAR pelangi mengisahkan Talip telah lari dari kampungnya kerana dituduh membunuh Jusoh. Pak Samad, bapa mertua Talip tidak mahu Talip kembali bersatu dengan Biah. Pak Samad ingin menjodohkan Biah dengan Murad tetapi Biah enggan. Dalam pada itu Talip telah menjadi peniaga yang terkenal. Bagaimana pula dengan Murad dan Biah? Berkahwinkah mereka?

## RANCANGAN DOI GINISNYA

RANCANGAN kesukaan kanak-kanak Doi Ginisnya minggu ini akan membawa tajuk 'Menjalankan Perintah Agama'. Kepada mereka yang meminati rancangan ini, jangan lupa menyaksikan siarannya pada hari Ahad 15 Mac jam 8.15 pagi.

## MARI BERPANTUN

SALAH sebuah rancangan terbitan Bahagian Melayu Radio Brunei pada Hari Raya Aidilfitri tahun ini ialah MARI BERPANTUN.

Awda dipersilakan menghantar pantun bercorak hari raya dan jenaka kepada :

Penerbit Mari Berpantun Aidilfitri
Bahagian Melayu
Radio Televisyen Brunei
Bandar Seri Begawan 2042
tidak lewat 23 Mac, 1992.

انيكا ANEKA
Pelita Brunei

RTB
سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسونن رنچاڠن تليبيشن
# susunan rancangan TELEVISYEN

## احوال عبادة
## EHWAL IBADAT

*(13 Mac)*
**Tajuk : Harus Berbuka dan Hukumnya.**

*(14 Mac)*
**Tajuk : Kaffarah Puasa.**

*(15 Mac)*
**Tajuk : Fidyah Puasa.**

*(16 Mac)*
**Tajuk : Wajib Qada.**

*(17 Mac)*
**Tajuk : Sembahyang Tarawih.**

*(18 Mac)*
**Tajuk : Iktikaf.**

## عمالن٢ سنة
## Amalan-Amalan Sunat

*(14 Mac)*
**Tajuk : Memelihara Diri Dari Mengumpat dan Perangai Keji.**
*(15 Mac)*
**Tajuk : Sembahyang Terawih.**
*(16 Mac)*
**Tajuk : Membanyakkan Membaca Al-Quran.**
*(17 Mac)*
**Tajuk : Adab-adab Membaca Al-Quran.**
*(18 Mac)*
**Tajuk : Menjamu Orang Berbuka Puasa.**
*(19 Mac)*
**Tajuk : Doa Di Malam Lailatul qadar.**
*(20 Mac)*
**Tajuk : Ziarah Ke Kubor.**
*(21 Mac)*
**Tajuk : Puasa Enam (1).**
*(22 Mac)*
**Tajuk : Puasa Enam (2).**

## SIRI PILIHAN

### MATLOCK
**'The Celeberity'**

*(16 Mac, jam 7.35 malam)*

CATHERINE Welden bekas seorang pelakon yang jelita siapa yang telah menubuhkan perniagaan alat solek yang menguntungkan telah dituduh membunuh bekas kekasihnya siapa yang telah memerasnya. Ben Matlock pergi ke Hollywood untuk membela Catherine.

### MACGYVER
**'Blind Faith'**

*(17 Mac, jam 7.35 malam)*

PETE Thornton bersetuju untuk memberi perlindungan kepada kawan lamanya Samantha seorang pelarian politik. Satu masalah yang dihadapinya ialah dia menghidap penyakit Glaucoma. Dia meminta bantuan dari MacGyver.

## RABU 11 MAC

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
2.02 AL-QURAN
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 DOCUMENTARY 'Wild Islands'
3.00 TALESPIN 'Feminine Air'
3.25 GHOST OF THE FAFFNER HALL 'Notation. The Sign That Gets The Sound'
3.44 AZAN ASAR
3.49 GHOST OF THE FAFFNER HALL — Sambungan
3.55 THE BOY FROM ANDROMEDA
4.20 GROWING PAINS 'Mike, Kate And Julie'
4.45 ISLAM AND SOCIETY
5.00 RISKING IT ALL
5.25 DRAMA — SITI ZUBAIDAH 'Hilang Pedoman'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 DRAMA — Sambungan
5.55 AL ISLAM WAL NAZARIYAT AL-HADITATH
6.10 PERTANDINGAN MAULID SYARAFIL ANAM (DIKIR BRUNEI) BAGI PERINGKAT AKHIR 1992 'Dikir Al-Ham'
6.20 MENJELANG SUNGKAI 'Fadilah Puasa Ramadan'
6.33 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.38 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.50 EHWAL IBADAT 'Harus Dan Sunat Ketika Berpuasa'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SESAT DALAM CAHAYA 'Hilang'
7.35 DILUPA JANGAN 'Visi 90'
7.42 AZAN ISYAK
7.47 DILUPA JANGAN — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.05 SUDUT PELITA
9.10 LIPUTAN SEMASA
9.30 RUMAH KEDAI 'Surat dan Hasrat'
10.05 CAROL AND COMPANY 'Battle Of The Ex's'
10.30 ROAD TO WEMBLEY
11.20 MIAMI VICE 'Free Fall'
12.10 TEDARUS
12.55 DOA
1.05 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS 12 MAC

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
2.02 AL-QURAN
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 SESAME STREET
3.00 THE ADVENTURES OF SHERLOCK HOLMES 'Scandal In Bhogmia'
3.43 AZAN ASAR
3.48 THE ADVENTURES OF SHERLOCK HOLMES — Sambungan
3.55 DISNEY'S ADVENTURES OF THE GUMMI BEARS 'Patchwork Gummi'
4.20 THE HOGAN FAMILY 'Proms, Lies And Video Tape'
4.45 ISLAM AND SOCIETY
5.00 WILD SOUTH 'Gull City'
5.25 DRAMA — SITI ZUBAIDAH 'Diayah'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 DRAMA — Sambungan
5.55 AL-ISLAM WAL NAZARIYAT AL-HADITATH
6.10 PERTANDINGAN MAULID SYARAFIL ANAM (DIKIR BRUNEI) BAGI PERINGKAT SEPARUH AKHIR 1992 'Dikir Al-Ham' (Kampong Burong Pinggai Berakas)
6.20 MENJELANG SUNGKAI 'Sesuatu barang yang bukan milik kita hendaklah meminta keizinan terlebih dahulu daripada tuan punya apabila kita berhajat menggunakan barang tersebut.
6.33 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.38 AL-QURAN
6.50 EHWAL IBADAT 'Harus Berbuka Dan Hukumnya'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.17 SESAT DALAM CAHAYA
7.35 HIDAYAT
7.42 AZAN ISYAK
7.47 HIDAYAT — Sambungan
8.00 RUMAH KEDAI 'Pembekal'
8.30 WARTA BERITA
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.30 TEDARUS
10.15 WAYANG PILIHAN 'Vigilante Cop'
11.45 SURAH YAASIIN
12.15 DOA
12.25 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT 13 MAC

**PAGI**

8.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
8.02 AL-QURAN
8.12 SUSUNAN RANCANGAN
8.15 STORY WORLD
8.30 RAMPAI PAGI
9.30 THE NEW ADVENTURES OF THE BLACK BEAUTY
9.55 CERAMAH JUMAAT
10.25 SEKITAR HAL EHWAL UGAMA
11.00 RESURGENCE OF ISLAM 'Our Children Living The Double Life'
11.30 WARTA BERITA
11.40 DOCUMENTARY NOVA 'The Light Stuff'
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BSB (Siaran Langsung)

**PETANG**

1.30 BIMBINGAN ISLAM — Ulangan
1.45 SUSUNAN RANCANGAN
1.50 ARENA SUKAN
2.40 TEENAGE MUTANT NINJA TURTLES
3.05 STARSTREET ANIMATION
3.30 ASEAN DOCUMENTARY 'Food : The Singapore'
3.43 AZAN ASAR
3.48 ASEAN DOCUMENTARY — Sambungan
4.00 FUL HOUSE 'Working Mothers'
4.30 MARI BELAJAR MENGAJI
4.45 ISLAM AND SOCIETY
5.00 SCIENTIFIC EYE
5.25 DRAMA — Siti Zubaidah 'Risikan'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 DRAMA — Sambungan
5.55 AL-ISLAM WAL NAZARIYAT AL-HADITATH
6.10 PERTANDINGAN MAULID SYARAFIL ANAM (DIKIR BRUNEI) BAGI PERINGKAT SEPARUH AKHIR 1992 'Dikir Al-Ham' (Jabatan Pengajian Islam Tutong)
6.20 MENJELANG SUNGKAI 'Fadilah'
6.33 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.38 AL-QURAN
6.50 EHWAL IBADAT — 'Harus Berbuka Dan Hukumnya'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SESAT DALAM CAHAYA 'Neraka'
7.35 DRAMA 'Pulau Misteri'
7.42 AZAN ISYAK
7.47 DRAMA — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.05 KHUTBAH JUMAAT
9.20 LIPUTAN SEMASA
9.40 RUMAH KEDAI 'Marah'
10.05 SURGICAL SPIRIT
10.55 JEEVES AND WOOSTER
11.45 TEDARUS
12.15 DOA
12.25 SIARAN TAMAT

## SABTU 14 MAC

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
2.02 AL-QURAN
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 SESAME STREET
3.15 TINY TOON ADVENTURES 'Pollution'
3.42 AZAN ISYAK
3.47 A DIFFERENT WORLD
4.15 RUMAH KEDAI 'Serba Salah'
4.40 ISLAM AND SOCIETY
4.55 LITTLE FLYING BEARS
5.20 DRAMA — SITI ZUBAIDAH Ep. 11 'Patung Tuju'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 AL ISLAM WAL NAZARIYAT AL-HADITATH
6.10 PERTANDINGAN MAULID SYARAFIL ANAM DIKIR BRUNEI) BAGI PERINGKAT SEPARUH AKHIR 1992 'Dikir Al-Ham'
6.20 MENJELANG SUNGKAI 'Kisah Nabi-nabi Alaihissalam Menyeru Umatnya Ke Jalan Allah Walaupun Baginda Menghadapi Banyak Tentangan dan Rintangan'
6.32 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.37 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.50 EHWAL IBADAT 'Kaffarah Puasa'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 SESAT DALAM CAHAYA
7.35 CERAMAH RAMADAN
7.41 AZAN ISYAK
7.46 CERAMAH RAMADAN — Sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.50 1992 YONEX ALL ENGLAND BADMINTON Live From Wembley)
12.00 TEDARUS
12.45 DOA
12.55 SIARAN TAMAT

## AHAD 15 MAC

**PAGI**

8.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
8.02 AL-QURAN
8.12 SUSUNAN RANCANGAN
8.15 DOI GINISNYA 'Menjalankan Perintah Agama'
8.30 RAMPAI PAGI (Siaran Langsung)
9.30 SECRET OF THE STONE
10.00 ZORRO 'A Love Remembered'
10.30 SUNDAY MATINEE

**TENGAH HARI**

12.00 BERITA TENGAH HARI
12.15 ENGLISH SOCCER 1991/92
12.31 AZAN ZUHUR
12.36 ENGLISH SOCCER — Sambungan

**PETANG**

1.10 SUSUNAN RANCANGAN
1.15 TAYANGAN GAMBAR
2.45 FUN HOUSE
3.15 TOTALLY HIDDEN VIDEO
3.41 AZAN ASAR
3.46 TOTTALY HIDDEN VIDEO — Sambungan
3.51 RENCANA TEMPATAN WARISAN 'Rumah Panjang'
4.20 RUMAH KEDAI 'Jeritan Batin'
4.45 ISLAM AND SOCIETY
5.00 CASPER AND FRIENDS
5.25 DRAMA — SITI ZUBAIDAH 'Lilin Masih Menyala'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 DRAMA — Sambungan
5.55 AL ISLAM WAL NAZARIYAT AL-HADITATH
6.10 PERTANDINGAN MAULID SYARAFIL ANAM (DIKIR BRUNEI) BAGI PERINGKAT SEPARUH AKHIR 1992 'Dikir Al-Ham'
6.20 MENJELANG SUNGKAI 'Fadilah Ramadan'
6.32 BEDUK/AZAN MAGAHRIB
6.37 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.50 EHWAL IBADAT 'Fidyah Puasa'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 SESAT DALAM CAHAYA
7.41 AZAN ISYAK
7.46 SESAT DALAM CAHAYA — Sambungan
7.50 TIRAI KELUARGA 'Mengejar Pelangi'
8.30 WARTA BERITA
9.00 TIRAI KELUARGA — Sambungan
10.00 TEDARUS — Siaran Langsung Dari Istana Nurul Izzah
11.30 CHINA BEACH 'F.N.G'
12.20 DOA
12.30 SIARAN TAMAT

## ISNIN 16 MAC

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
2.02 AL-QURAN
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 DOCUMENTARY
3.05 THE ADVENTURES OF THE BLACK STALLION 'Heart Of Gold'
3.30 THE SCHEME OF THINGS 'River Of Grass'
3.40 AZAN ASAR
3.45 THE SCHEME OF THINGS — Sambungan
4.00 ISLAM AND SOCIETY
4.15 NATIONAL GEOGRAPHIC EXPLORER
5.05 ALFRED J.KWAK
5.30 DRAMA — SITI ZUBAIDAH 'Menempah Cabaran'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 DRAMA — Sambungan
6.00 AL ISLAM WAL NAZARIYAT AL HADITATH
6.10 PERTANDINGAN MAULID SYARAFIL ANAM (DIKIR BRUNEI) BAGI PERINGKAT SEPARUH AKHIR 'Dikir Barat'
6.20 MENJELANG SUNGKAI 'Orang-Orang yang Mengikut Ajaran Allah Akan Terselamat Dari Seksaan dan Azab Allah Begitu Pula Sebaliknya'
6.32 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.37 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.50 EHWAL IBADAT 'Wajib Qada'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SESAT DALAM CAHAYA
7.35 MATLOCK 'The Celeberity'
7.41 AZAN ISYAK
7.46 MATLOCK — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.05 LIPUTAN SEMASA
9.25 RUMAH KEDAI 'Langkah Baru'
9.50 TAYANGAN GAMBAR
11.20 TEDARUS
12.05 DOA
12.15 SIARAN TAMAT

## SELASA 17 MAC

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
2.02 AL QURAN
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 DOCUMENTARY
3.00 THE WONDERFUL WIZARD OF OZ 'Freedom From The Witch'
3.25 WIDE WORLD OF KIDS
3.39 AZAN ASAR
3.44 WIDE WORLD OF KIDS — Sambungan
3.55 MIGHTY MOUSE AND FRIENDS
4.20 SPORT AND HEALTH 'Over Enthusiasm Is Unheal Thy'
4.45 ISLAM AND SOCIETY
5.00 PETER PAN AND THE PIRATES
5.25 DRAMA — SITI ZUBAIDAH 'Pelamin Dalam Arca'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 DRAMA — Sambungan
6.00 AL ISLAM WAL NAZARIYAT AL-HADITATH
6.10 PERTANDINGAN MAULID SYARAFIL ANAM (DIKIR BRUNEI) BAGI PERINGKAT SEPARUH AKHIR 1992 'Dikir Badat'
6.20 MENJELANG SUNGKAI 'Fadilah Ramadan'
6.32 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.37 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.50 EHWAL IBADAT 'Sembahyang Tarawih'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SESAT DALAM CAHAYA
7.35 MACGYVER 'Blind Faith'
7.41 AZAN ISYAK
7.46 MACGYVER — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.05 RUMAH KEDAI 'Bergurau Aje'
9.30 REKASENI RAMADAN 'Bunga Ros Daripada Riben Nipis'
9.55 DRAMA — ANAK BAPAK 'Tenaga'
10.20 DARK JUSTICE 'Broken Toys'
11.10 TEDARUS
11.55 DOA
12.05 SIARAN TAMAT

# سوسونن رنچاڠن راديو
# susunan rancangan RADIO

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RTB
سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

## BAHAGIAN MELAYU

### RABU, 11 MAC

**PAGI:** 10.15 Varia Peristiwa; 11.00 Kugiran Tanahair; **PETANG:** 1.00 Sudut Pelita; 1.30 Sudut Hobi; 3.15 Tetamu Radio (SU); **MALAM:** 7.00 Gema Pembangunan (SU); 8.15 RTB Minggu Ini (SU); 8.30 Lagu-Lagu ASEAN (SU); 9.00 Permintaan Salam Mesra.

### KHAMIS, 12 MAC

**PAGI:** 10.15 Tahukah Awda (SU); 11.00 Senandung Melayu; **PETANG:** 3.15 Majalah Agama; **MALAM:** 7.00 Bacaan Surah Yaasiin; 8.30 Nur Islam; 9.00 Belia (SU); 9.30 Ashbabun Nuzul.

### JUMAAT, 13 MAC

**PAGI:** 10.15 Soalan Di Udara/Apa Pendapat Biskita; 10.30 Salam Muhibah RTB/RTM; 11.30 Jendela Masyarakat; 11.45 Nada Pedoman; **T/HARI:** 12.15 Bacaan Al-Quran Antarabangsa; 12.30 Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat; **PETANG:** 2.00 Majalah Agama (SU); 2.30 Liwa Ul-Islam; 2.45 Terkenang Semasa Dulu; 3.15 Kemusykilan Agama; 4.00 Nur Islam (SU); 4.30 Lagu-Lagu ASEAN; 5.00 Drama; 5.45 Suntingan Khutbah Jumaat; **MALAM:** 7.00 Melodi Si Alai (SU); Senandung Melayu (SU); 8.15 Ruangan Kitani (SU); 8.45 Ashbabun Nuzul; 9.30 Bangsawan Di Udara (SU).

### SABTU, 14 MAC

**PAGI:** 10.15 Soalan Di Udara/Apa Pendapat Biskita (SU); 10.30 Rampaisari; **PETANG:** 1.30 Bimbingan Kerjaya; 3.15 Citra Irama; 5.45 Liwa Ul Islam (SU); **MALAM:** 7.00 Muzika Tanahair; 8.15 Permintaan Malam Minggu; 9.00 Senandung Malam.

### AHAD, 15 MAC

**PAGI:** 10.15 Sukan Dunia; 10.30 Taman Mekar; 11.00 Pujaan Sukaramai; 11.30 Gema Pembangunan; **T/HARI:** 12.00 Sandiwara Radio; **PETANG:** 1.00 Permintaan Dua Stesen; 2.00 Ehwal Semasa; 12.15 Tetamu Radio; 3.15 Serbaneka Hiburan; 4.00 Jendela Masyarakat (SU); 4.15 Hubungan Muhibah RTB/RRI; 4.30 Muzika Tanahair (SU); 5.00 Arena Sukan; **MALAM:** 7.00 Data Ekonomi; 8.15 Terkenang Semasa Dulu (SU); 8.30 Nada Pedoman (SU); 9.00 Hiburan Selekta Malam.

### ISNIN, 16 MAC

**PAGI:** 10.15 Majalah Wanita; **PETANG:** 1.30 Tetamu Sukan; 2.15 Sudut Hobi; 3.15 Pembangunan Masyarakat/Ulasan Buku; **MALAM:** 7.00 Arena Sukan (SU); 8.15 Bimbingan Kerjaya (SU); 8.30 Kemusykilan Kerjaya (SU); 9.00 Serbaneka Hiburan (SU); 9.30 Citra Irama (SU).

### SELASA, 17 MAC

**PAGI:** 11.00 Taman Mekar (SU); **PETANG:** 1.15 Sekitar Daerah; 1.30 Tahukah Awda; 3.15 Bangsawan Di Udara; **MALAM:** 7.00 Belia; 8.30 Kugiran Tanahair; 9.00 Sandiwara Radio (SU); 9.30 Mari Berpantun.

### RANCANGAN HARIAN

**PAGI :** 4.33 Bacaan Al-Quran; Tarhim/Azan Subuh; Suntingan Khutbah Jumaat (Sabtu); Surah Ar-Rahman (Ahad) Surah Al-Mulk (Isnin) Surah Al-Waqiah (Selasa) Surah As-Sajadah (Rabu) Surah Ad-Dukhan (Khamis) Surah Yaasiin (Jumaat); 5.30 Kuliah Subuh; 6.05 Sinaran Wahyu; 6.35 Menuju Keredaan Allah; 6.45 Berita Perdana; 6.57 Suntingan Hidayah; 7.00 Rampai Pagi/Selamat Pagi (Jumaat dan Ahad), Brunei Kita; Maklumat Paras Air; Berita Sukan, Catatan Radio; Laporan Dari Belait; Bahasa Arab; 8.00 Berita; Menuju Kesempurnaan Ibadat (dalam Rampai Pagi); 9.00 Pilihan Pendengar (kecuali Jumaat dan Ahad); 9.15 Ehwal Semasa/Sekitar Daerah (setiap Selasa); 10.00 Berita; 10.30 Permintaan Sukaramai (kecuali Jumaat dan Ahad); 11.30 Sukma Ria (kecuali Jumaat dan Ahad) Amalan-amalan Sunat (selepas azan Zuhur); **T/HARI :** 12.45 Berita (Berita hari Jumaat jam 1.45 petang); **PETANG :** 1.15 Ehwal Semasa/Sekitar Daerah (setiap Selasa); 2.00 dan 2.30 Pilihan Pujaan Lama (kecuali Jumaat dan Ahad); 3.00 Berita; 4.00 Rampai Petang (kecuali Jumaat dan Ahad); 5.30 Berita Perdana/Bahasa Arab Di Radio (kecuali Jumaat dan Ahad); 6.00 Amalan-amalan Sunat (SU); **MALAM :** 7.30 Menuju Kesempurnaan Ibadat (SU)/ Amalan-amalan Sunat (selepas azan Isyak); 8.00 Berita; 10.10 Bacaan Al-Quran.

## BAHAGIAN TIONGHOA

### RABU, 11 MAC

**PAGI:** 10.00 — Drama Radio; 10.30 — Kehidupan dan Kesihatan (SU); **PETANG:** 6.00 — Liputan Nasional Radio.

### KHAMIS, 12 MAC

**PAGI:** 9.30 — Mengenal Islam — Ulangan; 10.00 — Wanita dan Keluarga; **PETANG:** 6.00 — Kebersihan dan Perubatan.

### JUMAAT, 13 MAC

**PAGI:** 10.00 Drama Radio; 10.30 Mimbar Hadis ; **PETANG:** 5.15 — Mengenal Islam; 6.00 — Perspektif U.N.

### SABTU, 14 MAC

**PAGI:** 10.00 — Wanita dan Keluarga. **PETANG:** 6.00 — English By Radio 'Follow Me'.

### AHAD, 15 MAC

**PAGI:** 10.00 — Penyelidikan Mengenai Haiwan; 10.15 — Dunia Belia; **PETANG:** 5.00 — Sudut Kanak-kanak; 6.00 — Sains dan Teknologi.

### ISNIN, 16 MAC

**PAGI:** 10.00 — Drama Radio; 10.30 — Terbang Bersama Kami; **PETANG:** 6.00 — Ingin Tahu.

### SELASA, 17 MAC

**PAGI:** 10.00 — Wanita dan Keluarga; **PETANG:** 6.00 — Kebersihan dan Perubatan.

### RANCANGAN HARIAN

**PAGI:** 8.30 — Selamat Pagi Brunei Darussalam; 10.45 Berita Mandarin; **PETANG:** 4.00 — Hiburan Petang; 5.30 — Berita Perdana; 5.45 — Sekata Sehari/Bacaan Al-Quran; 6.15 — Berita Mandarin; 6.25 — Brunei Kita; 6.33 — Azan Maghrib; 6.40 — Irama Senja.

## BAHAGIAN INGGERIS

### RABU, 11 MAC

**MALAM:** 8.00 Hello Tomorrow; 8.30 My Music; 9.00 Perspective; 9.30 Talking About Music.

### KHAMIS, 12 MAC

**MALAM:** 8.00 International Money Programme; 8.15 Sixty Minute Theatre: "The Nightingale by David Wade"; 9.30 Light Music — 25th Cambridge Festival.

### JUMAAT, 13 MAC

**PAGI:** 11.00 A Religious Talk; 11.15 Light Music From The Netherlands; 11.30 Children's stories ; 1) The Water Of Life; 2) Sohrab; **T/HARI:** 12.00 Patterson by Malcolm Bradbury and Christoper Brigsby; 12.45 Friday Prayer Time Announcement, Just For Variety; **PETANG:** 1.30 Health Watch; 1.45 Interlude Of Music; 2.00 Country Music USA (Repeat); 2.30 Children's Hall Hour; 3.00 Calling On You (A Request Programme); **MALAM:** 8.00 A Religious Talk (Repeat); 8.15 Interlude Of Music; 8.30 Teen's Entertainment (Repeat); 9.30 The World Of Books.

### SABTU, 14 MAC

**MALAM:** 8.00 Melody Time/Hits In Germany; 8.30 The Best Of The Men From The Ministry Prog 5 9.00 The Arts World wide; 9.30 Top Of The Pops.

### AHAD, 15 MAC

**PAGI:** 11.00 Children's Half Hour (Repeat); 11.30 Does The Team Think; **T/HARI** 12.00 Nostalgic Moments With/Music From ASEAN; 12.45 Just For Variety; **PETANG:** 1.45 Top Of The Pops — (Repeat); 2.15 Know Your Country — Quiz by Telefon; 3.00 Weekend Greetings (A Request Programme); **MALAM:** 8.00 Nostalgic Moments With/Music From ASEAN (Repeat); 8.30 Documentary Heritage Of The Past In The Hands Of The Present (Repeat); 9.00 Instrumental; 9.30 Country Music USA.

### ISNIN, 16 MAC

**MALAM:** 8.00 Theatre Forty Five: Rasselas By Samuel Johnson; 8.45 Doctor In The House; 9.30 Feature : 'Tales From The South China Sea by Charles Allen (1).

### SELASA, 17 MAC

**MALAM:** 8.00 Just For You (A Request Programme); 9.00 BBC World Report; 9.30 Hobbies Corner With Barbara Schroeder (Charcoal and Chalk Drawing).

### RANCANGAN HARIAN

**PAGI:** 6.20 Jingle; 6.30 Opening Announcement; 6.32 Quran And Its Translation; 6.45 Berita Perdana (Relayed From The Malay Service); Weather Forecast. Our Brunei, Dedication Time, Daily Dairy; 7.30 Local News; 7.35 Tide Times; 7.36 Brunei's Am (Continues); 8.30 Chinese Programmes; 11.00 Ladies At Eleven (Kecuali Jumaat dan Ahad). Science Item, Hobby, Do You Know, Handy Home Hints. **T/HARI:** 12.00 Afternoon Mix (Kecuali Jumaat dan Ahad) Road Safety, New Inventions, Sports News, Prayer Time Announcement; 12.30 News; Weather Forecast, 12.45 Our Brunei, National Event, Fun With Maths, Birthdays, Anniverseries... **PETANG:** 2.00 Afternoon Melodies (Isnin — Khamis); 3.00 Gurkhali Programmes (Hari Sabtu); 4.00 Chinese Programmes. **MALAM:** 9.15 News; 10.00 Close Down.

## FORUM

FORUM siaran hari Ahad 15 Mac, 1992 jam 2.30 petang bertajuk PENDIDIKAN SEJARAH — satu pengenalan awal tentang bangsa dan negara. Ahli panel terdiri daripada Awang Mohd. Hadi bin Abdullah, Awang Muhammad bin Awang Haji Damit dan Awang Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman.

## SANDIWARA RADIO
## BIARKAN BADAI MELANDA

SANDIWARA Radio minggu ini berjudul BIARKAN BADAI MELANDA, tulisan Afsna, Negara Brunei Darussalam.

Penulis memaparkan tentang niat jahat Imah dan Tun temannya terhadap Raman, ketua bahagian di pejabat mereka. Imah yang ingin memerangkap Raman dan meruntuhkan rumahtangganya telah membuat satu rancangan yang di luar dari dugaan Raman, tapi apa yang terjadi selepas itu adalah bertentangan dari apa yang diharapkan oleh Imah.

Ikutilah siarannya nanti pada 15 Mac, 1992 jam 12.00 tengah hari.

★

## PILIHAN PENDENGAR

*(Rabu, 11 Mac, 1992)*

Jeffery H.B, No : 159 M Kampong Pekilong Muara 2482, Negara Brunei Darussalam.

*(Khamis, 12 Mac, 1992)*

Fina Othman, Kampong Batu Bersurat Gadong 3182, Negara Brunei Darussalam.

*(Sabtu, 14 Mac, 1992)*

Marjuannah MHL, Kampong Kupang Tutong 5190, Negara Brunei Darussalam.

*(Isnin, 16 Mac, 1992)*

Suzi Ayut, No : 1313 Simpang 410 Jalan Selapon, Kampong Selapon Batu Apoi 8480 Temburong, Negara Brunei Darussalam.

*(Selasa, 17 Mac, 1992)*

Aznishah binti Omar, 110 Kampong Menengah Temburong, Negara Brunei Darussalam.

# تايڠن ݢمبر TAYANGAN GAMBAR تايڠن ݢمبر

### KHAMIS, 12 MAC

## THE BEST OF ENEMIES

**(1.15 pagi)**

SEMASA Perang Dunia Kedua, Mejar Richardson dan Lt. Burke ditawan oleh kompeni Itali yang mana termasuk Kapten Blasi, Mejar Fornari dan Bernasconi Pegawai Perubatan. Pada mulanya Richardson memandang rendah terhadap orang Itali dan Blasi pula tidak suka orang Inggeris. Tapi takdir peperangan dan kesengsaraan telah mengubah sikap mereka. Mereka saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Bila British berjaya melancarkan serangan, tentera Blasi dipaksa menyerah diri dan Blasi menjadi tawaran Richardson.



THE BEST OF ENEMIES

### ISNIN, 16 MAC

## CRIME CLUB

**(9.50 malam)**

BILA anak Denise London kawan lamanya terbunuh dalam satu kemalangan jalan raya Paul Cord memutuskan untuk menyiasat kejadian itu. Usaha Paul untuk mencari bukti sama ada budak tersebut dibunuh atau membunuh diri telah mendapat halangan dari ketua pegawai penguatkuasa undang-undang. Dengan terjumpanya mayat seorang gadis menyulitkan lagi kes tersebut.

ANEKA Pelita Brunei



# Jalani latihan dengan aktif

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menyeru pemain-pemain sepak takraw menjalani latihan dengan aktif lagi sebagai persediaan menghadapi kejohanan-kejohanan yang akan datang.

Dengan adanya latihan yang berterusan itu, kata Yang Berhormat pasukan negara akan dapat memberikan cabaran sengit kepada setiap pasukan.

Berucap dalam ucapan ringkas sebelum menyampaikan hadiah-hadiah Kejohanan Sepak Takraw Anjuran Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU) cawangan Daerah Brunei dan Muara di Restoran Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Yang Berhormat juga menyeru para pemain remaja yang berpotensi supaya sentiasa mengadakan latihan bagi meningkatkan prestasi.

"Ke arah menghadapi kejohanan-kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa, sukacita saya menasihatkan para pemain supaya rajin berlatih sebagai langkah awal untuk menghadapi kejohanan-kejohanan yang akan datang," jelas Yang Berhormat.

Sementara itu Pengerusi PESTABARU Cawangan Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Metassan bin Pengiran Bakar ketika mengulas mengenai kejohanan itu menyatakan bahawa kejohanan itu merupakan pembaharuan ke arah meningkatkan lagi mutu permainan sepak takraw di negara ini.

"Selain daripada itu, prestasi permainan para pemain juga akan meningkat dan mencabar," tambahnya.

Dalam kejohanan itu Pasukan PAPP 'B' keluar sebagai juara dengan menerima sebuah piala sumbangan Pegawai Kanan Tugas-Tugas Khas, Kementerian Perhubungan Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin dan piala rebutan sumbangan Pengiran Metassan bin Pengiran Bakar.

Naib juara disandang oleh PAPP 'A', manakala juara tahun lalu PERKASA menduduki tempat ketiga manakala Nakhoda di tempat keempat.

Pemain kebangsaan, Awang Mohd. Said bin Bakar pula dipilih sebagai pemain contoh.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail menyampaikan hadiah-hadiah kepada barisan pemain Kota Ranger yanag menjuarai Piala Borneo. — Gambar oleh Amat Moksin.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menyampaikan hadiah-hadiah kepada Ketua Pasukan PAPP 'B' yang menjuarai kejohanan itu. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

## Kemajuan Perumahan Sarawak tempat kedua

KEMAJUAN Perumahan Sarawak menduduki tangga kedua dalam Kejohanan Bolasepak Antara Kelab-kelab Borneo dengan mencatatkan tiga mata setelah menewaskan West Zone dari Sabah, seri dengan Kota Ranger dari Negara Brunei Darussalam dan tewas kepada Persiba dari Indonesia.

Di hari pembukaan mereka tewas di tangan Persiba 3-1, di hari kedua seri dengan Kota Ranger 2-2 dan menewaskan West Zone 3-1.

Juara bertahan Persiba dari Kalimantan menduduki tempat ketiga dengan mengalami kekalahan kepada West Zone 1-0, dan Kota Ranger juga 1-0. Mereka cuma menewaskan Kemajuan Perumahan 3-1.

3. Setiap penawar hendaklah menyertakan contoh kain dan menyatakan harga pada setiap sepasang pakaian seperti berikut:-
   a. Baju panjang dan seluar panjang.
   b. Baju pendek dan seluar panjang.
   
   Contoh potongan pakaian seragam seperti yang disebutkan di atas serta keterangan-keterangan lanjut boleh didapati daripada Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama, Berakas Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran hendaklah disertai dengan salinan Lesen Rampaian dan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Certificate Of Registration).
5. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat berkenaan, kecuali menulis dengan bilangan JDBM/1/1992 "MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM KAKITANGAN JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA" dan hendaklah dihantar tidak lewat pada hari Isnin, 16 Mac 1992, jam 12.00 tengah hari dengan mengalamatkan dan menghantar terus kepada :-
   
   Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Kementerian Kewangan, Tingkat 4
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, 1130
   Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran yang lewat diterima pada tarikh dan waktu yang disebutkan di atas tidak akan diterima.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat pada menerima tawaran yang paling rendah atau sebaliknya.

---

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat pembekal-pembekal untuk membekalkan Pakaian Seragam (Uniform) bagi Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara seperti berikut:-

**TAWARAN-TAWARAN :-**

A. MENJAHIT DAN MENGADAKAN BAJU DAN SELUAR WARNA PUTIH DAN HITAM :-
BIL. TAWARAN :2/1992

B. MEMBEKALKAN KAIN SAMPING (SINJANG WARNA HIJAU BERBUNGA WARNA BENANG EMAS KUNING)
BIL. TAWARAN : 3/1992

C. MEMBEKALKAN KASUT WARNA HITAM
BIL. TAWARAN : 4/1992

D. MENJAHIT DAN MENGADAKAN SONGKOK WARNA HIJAU KAIN BALDU
BIL. TAWARAN : 5/1992

2. Borang tawaran dan keterangan lanjut boleh didapati daripada Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama Berakas.

**SYARAT-SYARAT TAWARAN :**

1. Tawaran hendaklah disertai dengan salinan Lesen Rampaian dan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Certificate Of Registration).
2. Penawar-penawar hendaklah memberikan contoh serta keterangan-keterangan jenis buatan kain semasa membuat tawaran.
5. Tawaran hendaklah dimasukan di dalam sampul surat yang tertutup tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat berkenaan, dengan menyatakan jenis tawaran seperti di atas dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebutharga Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam tidak lewat 23 Mac, 1992 jam 4.00 petang.
6. Tawaran yang lewat diterima pada tarikh dan waktu yang disebutkan diatas tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat pada menerima tawaran yang paling rendah atau sebaliknya.

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS

No. 5/1992

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Kwek Chin Yin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Kwek Bock Seong yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 Mac, 1992, pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 5 Februari, 1992

No. 241/1991

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang @ Ali bin Haji Salleh kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Salleh bin Pakar yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 Mac, 1992, pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 8 Februari, 1992

**ORANG-ORANG yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.**

**Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.**

# IKLAN-IKLAN

## JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal, ejen-ejen dan pengedar-pengedar 'Colour TV Monitors, Lighting Protection System, Test Equipment, Microwave Disc and Feeder, Broadcast Video Tape Recorder/Player, Audio Mixer and Accessories dan lampu' bagi tawaran seperti berikut :-

| BIL. TAWARAN | KETERANGAN |
|---|---|
| RTB/05/92 | SUPPLY OF COLOUR TV MONITORS FOR BUKIT SUBOK AND ANDULAU TRANSMITTER STATIONS |
| RTB/06/92 | SUPPLY AND INSTALLATION OF LIGHTING PROTECTION SYSTEM FOR BUKIT SUBOK TV/FM TRANSMITTERS STATIONS |
| RTB/07/92 | SUPPLY OF TEST EQUIPMENT FOR BUKIT SUBOK AND ANDALAU TV/FM TRANSMITTERS STATIONS |
| RTB/08/92 | SUPPLY AND INSTALLATION OF MICROWAVE DISC AND FEEDER AT BUKIT SUBOK TV/FM TRANSMITTERS STATIONS |
| RTB/09/92 | SUPPLY OF SPARES FOR SONY BROADCAST VIDEO TAPE RECORDER/PLAYER |
| RTB/10/92 | SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF AUDIO MIXER ACCESSORIES FOR RADIO CONTINUITY STUDIO |
| RTB/11/92 | SUPPLY OF LAMPS FOR TV STUDIOS AND OB LIGHTING |

2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dengan membuat permohonan kepada Pengarah Radio dan Televisyen Brunei UP: Jurutera Penguasa, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan 2042, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa. Wang cagaran sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang tulen (bona-fide tender).
3. Tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang yang disediakan oleh Radio Televisyen Brunei.
4. Spesifikasi lengkap mengenai lampu mestilah dihadapkan kepada Radio dan Televisyen Brunei tidak lewat dari 7 hari selepas tarikh tutup tawaran.

Tarikh tutup tawaran ialah pada hari Isnin 13 April, 1992 kecuali tawaran NO : RTB/08/1992 tarikh tutup ialah hari Isnin 20 April, 1992.

## JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari Rabu, 15 April, 1992 bagi membekalkan pakaian seragam kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei Darussalam sepertimana keterangan-keterangan berikut:-

a) 112 pasang bush jacket dan seluar bagi 56 orang pegawai-pegawai kanan (2 pasang bagi setiap pegawai);

b) 800 pasang baju panjang tangan dan seluar bagi 400 orang pegawai-pegawai biasa/kakitangan (2 pasang bagi setiap pegawai/kakitangan).

Adalah dimaklumkan kain-kain yang diperlukan bagi pakaian seragam tersebut ialah:-

a) Kain untuk seluar
Warna : Navy Blue
Jenis Kain : Dyed 100% Polyter Hisofy Suiting

a) Kain untuk baju
Warna : Light Cream, putih dan biru
Jenis Kain : Dacron/Cotton Suiting

2. Tawaran-tawaran ini ialah termasuk membekalkan kain dan upah menjahitnya sekali.
3. Penerangan-penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayani.
5. Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan terang:

"SULIT – TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM KAKITANGAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM".

Tanpa membubuh sebarang nama pengirim.

6. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

---

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari Rabu, 15 April, 1992 bagi membekalkan perkara-perkara berikut untuk kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei Darussalam sepertimana keterangan-keterangan berikut:-

a) Kasut : (450 pasang)
Jenis : Kulit
Warna : Hitam

b) Sarung Kaki : (900 pasang)
Warna : Navy Blue

2. Penerangan-penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.
5. Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan terang:

"SULIT – TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KASUT DAN SARUNG KAKI BAGI KAKITANGAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM"

Tanpa membubuh sebarang nama pengirim.

5. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

**Syarat-syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam dokumen-tawaran :

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu seperti tarikh yang ditetapkan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk dan bilangan projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari **Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas 1190, Negara Brunei Darussalam.**
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "B" ke atas untuk untuk :

Bilangan Projek : JKP/03/1992

Projek : CADANGAN KERJA-KERJA LANDSCAP DI TAPAK PERMAINAN KANAK-KANAK DAN LORONG BERLARI DI KAWASAN PERPINDAHAN SERASA.

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat Tiga (3), Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas 1190, Negara Brunei Darussalam hingga jam 3.00 petang hari Selasa 31 Mac, 1992.

Tarikh tutup : 1 April, 1992 hari Rabu

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (Lukisan)

## HARGA BARANG

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang berikut di bawah ini bermula pada.

| Jenama | Harga | Nama Kedai |
|---|---|---|
| Fruit Coktail 850 Gram | $2.40 | Thye Seng Department Store, B1, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan |
| | $2.50 | Teguh Raya, Tutong |
| | $2.30 | Soon Lee Mini Mart, 46, Jalan Pretty, Kuala Belait |
| | $2.60 | Chop Siong Yick, 54 Jln Bunga Kuning, Seria |
| Oyster Sauces (Maggi) 340 Gram | $1.60 | Thye Seng Department Store, B1, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan |
| | $1.80 | Chop Wah Kee, No.6 Jalan Enche Awang, Tutong |
| | $1.70 | Teo Hiang Hng, No 45, Jalan Pretty, Kuala Belait |
| | $1.40 | Poh Shing, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali, Seria |
| Bawang Besar 1 Kilogram | $1.20 | Chop Ken Ken, B2 Jalan Robert, Bandar Seri Begawan |
| | $1.50 | Soon Lee Mini Mart, No. 1 Jln Enche Awang, Tutong |
| | $1.30 | Syarikat M. Haji, Chinese Chamber of Commerce, Kuala Belait |
| | $1.60 | Poh Shing, No. 6 Jalan Sultan Omar Ali, Seria |

Dikeluarkan oleh Bahagian Pengawal Harga, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

## LATIHAN PERGURUAN 1992 DI MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengikuti Kursus Latihan Perguruan Ugama di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam yang mempunyai kelayakan dan syarat-syarat di bawah ini akan dipertimbangkan.

1. KELAYAKAN-KELAYAKAN :

a) i. Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Sijil Pelajaran Ugama (SPU) Brunei atau
ii. Lulus Sijil Am Pelajaran (Singapura Cambridge atau Brunei Cambridge) dengan syarat mendapat kepujian dalam 4 mata pelajaran peringkat 'O' dua daripadanya Pengetahuan Agama Islam dan Bahasa Melayu atau
iii. Mana-mana sijil yang sebanding dengan sijil di atas.

b) Hendaklah lulus Sijil Darjah VI Agama.

2. SYARAT-SYARAT :

a) Hendaklah belum berkahwin dan berumur 18 tahun hingga 25 tahun.

b) Hendaklah boleh membaca dan menulis Jawi serta lancar membaca Al-Quran.

c) Permohonan-permohonan yang dipertimbangkan akan dipilih menerusi satu temuduga.

d) Pemohon-pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memenuhi syarat-syarat berikut :
i. Mereka tidak berkahwin semasa dalam latihan.
ii. Mereka atau Penjamin mereka dikehendaki membayar balik dengan sepenuhnya semua perbelanjaan jika mereka berhenti semasa dalam latihan.
iii. Mereka sanggup berkhidmat dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, sekurang-kurangnya lima tahun selepas tamat latihan.
iv Pemohon-pemohon yang berjaya akan mengikuti kursus selama tiga tahun atau lebih.

3. ELAUN/GAJI :

a) Semasa dalam latihan semua pemohon yang diterima masuk akan menerima elaun seperti berikut :-
Tahun Pertama dan Kedua – $290.00 sebulan.
Tahun Ketiga – $315.00 sebulan.

b) Semua penuntut yang berjaya dalam latihan tiga tahun akan dimasukkan di dalam Tingkatan Gaji yang berjalan pada masa ini iaitu dalam sukatan :
G.2 – $1,050.00 – $1,645.00/
EB/ – $1,695.00 – $2,165.00

4. BORANG-BORANG PERMOHONAN :

a) Permohonan-permohonan hendaklah dibuat dalam borang-borang yang sah, boleh didapati di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Km 2, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka dan hendaklah dikembalikan dan sampai kepada Pengetua Maktab Perguruan Agama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 31 Mac, 1992.

b) Pemohon-pemohon hendaklah membawa Sijil-sijil atau Slip SPU, GCE 'O' Level, Darjah VI Agama atau yang sebanding dengannya bagi mendapatkan borang permohonan.

ANEKA Pelita Brunei

# IKLAN-IKLAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) **PEGAWAI PERBEKALAN**
**(DI KEMENTERIAN PERTAHANAN)**
**(Bilangan Kod : 104 42 – 235)**
**Tanggagaji** : B.2 EB.3 $2,270 – $4,240 sebulan.
**Kelayakan :**

a) Ijazah dalam bidang Perdagangan atau Accounting atau Ekonomi atau kelulusan-kelulusan yang berkaitan yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Higher National Diploma dalam bidang Perdagangan atau Accounting atau Ekonomi atau kelulusan-kelulusan yang berkaitan yang sebanding dengannya serta 5 tahun pengalaman dalam bidang kerja berkaitan.

ATAU

c) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian III dengan gaji permulaan C.3 dalam jawatan yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.

**Lain-Lain Syarat :**
Mestilah mengetahui Peraturan-Peraturan Kewangan Kerajaan (Financial Regulations).

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**
Tugas-tugas pegawai ini termasuklah perlaksanaan kerja-kerja yang bersangkut paut dengan hal ehwal pembelian bagi keperluan-keperluan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

2) **TUKANG PELAN KANAN**
**(DI KEMENTERIAN PERTAHANAN)**
(Bilangan Kod : 104 03 – 292)
**Tanggagaji** : C.2 EB.3 $1,450 – $2,270 sebulan.
**Kelayakan :**

a) i) Higher National Certificate atau TEC Higher Certificate dalam bidang draughtmanship atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Ordinary National Diploma atau BTEC Diploma dalam jurusan draughtmanship atau yang sebanding serta pengalaman dalam bidang draughtmanship tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Tukang Pelan tidak kurang dari 7 tahun.

b) Mestilah boleh menyediakan pelan dan ukuran-ukuran yang lengkap dari lukisan kasar (dimensional sketches).

b) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja melukis Pelan di Pejabat Chartered Jurutera atau pejabat-pejabat kerajaan khusus dalam pelan "Structural".

3) **PEMBANTU TEKNIK**
**(DI JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN)** (Bilangan Kod : 114 03 – 393)
**Tanggagaji** : D.1 - 2 - 3 EB.4 - 5 $530 - $1,625 sebulan.
**Kelayakan :**

a) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau Sijil City and Guilds yang bersesuaian yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Pembantu Teknik Pelatih atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 3 tahun. Telah ditetapkan dalam jawatannya.

ATAU

iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian V dalam bidang yang berkaitan tidak kurang daripada 5 tahun.

b) Berkebolehan membaiki kerosakan-kerosakan kecil terhadap kenderaan-kenderaan serta mempunyai sifat-sifat kepimpinan adalah merupakan satu kelebihan.

4) **PEMBANTU TEKNIK**
**(DI JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN)** (Bilangan Kod : 030 03 – 393)
**Tanggagaji** : D. 1 - 2 - 3 EB. 4 - 5 $530 – $1,625 sebulan.
**Kelayakan :**

a) i) Satu (1) mata pelajaran Sains Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau City and Guilds Final Certificate dalam bidang yang bersesuaian atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Pembantu Teknik Pelatih atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam bidang teknikal sekurang-kurangnya 3 tahun.

ATAU

iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian V dalam jawatan-jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya 5 tahun.

b) Bagi syarat kelayakan ii) iii) pemohon-pemohon yang pernah mengikuti kursus singkat di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal Peringkat Pertama atau kedua anjuran Jabatan Perkhidmatan Elektrik adalah satu keutamaan.

5) **PEMANDU/OPERATOR**
**(DI KEMENTERIAN KESIHATAN)**
(Bilangan Kod : 113 98 – 513)
**Tanggagaji** : D.1 EB. 2 - 3 $530 – $1125 sebulan.
**Kelayakan :**

a) i) Satu (1) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Pemandu Tingkat Khas atau jawatan yang sebanding sekurang-kurangnya selama 5 tahun.

b) Mestilah mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 yang sah dan mestilah mempunyai rekod memandu yang baik.

c) Mempunyai pengalaman memandu kereta van dan lain-lain kereta dan boleh membaiki kerosakan kecil adalah satu keutamaan.

**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**

a) Bertanggungjawab dan di bawah arahan Pengawas Tingkat Khas (Bahagian Kenderaan).

b) Memelihara kenderaan dalam keadaan baik dan selamat dan melaporkan segala kerosakan kepada Pengawas Kenderaan/memastikan peralatan dalam keadaan selamat dan baik.

c) Mencatatkan perjalanan dalam log book yang disediakan.

d) Memandu kereta bergerak seperti X-Ray dan Perkhidmatan rawatan gigi serta membantu dan mengendalikan dalam penggunaan alat tersebut seperti generator dan alat-alat elektrik.

6) **PENJAGA KESELAMATAN**
**(DI PEJABAT BIRO KAWALAN NARKOTIK, JABATAN PERDANA MENTERI)** (Bilangan Kod : 077 58 – 988)
**Tanggagaji** : D. 1 EB.2 $530 – $820 sebulan.
**Kelayakan :**

a) Satu (1) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta 3 tahun pengalaman dalam bidang keselamatan.

ATAU

c) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian V selama 5 tahun dalam jawatan yang bersesuaian.

ATAU

d) Telah berkhidmat dalam jawatan yang berkaitan dengan keselamatan seperti bekas Askar, Polis, Ahli Bomba atau Wadar sekurang-kurangnya 5 tahun serta mempunyai prestasi kerja yang baik.

**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**

a) Memastikan keselamatan semua kawasan Pejabat Biro Kawalan Narkotik (cawangan Belait).

b) Mengendalikan rondaan di semua kawasan Pejabat Biro Kawalan Narkotik (cawangan Belait).

c) Memastikan bahawa tidak ada orang yang tidak berkenaan untuk memasuki kawasan Biro Kawalan Narkotik dan sekitarnya selepas waktu bekerja.

d) Menahan dan meneliti kemasukan orang yang tidak mempunyai Pas untuk memasuki kawasan Biro Kawalan Narkotik serta menunjukkan tempat-tempat yang dikehendaki.

e) Memastikan semua lampu-lampu dipadam selepas waktu bekerja.

f) Melaksanakan kerja-kerja lain seperti yang diarahkan dari masa ke semasa.

g) Membuat laporan-laporan dalam Bahasa Melayu.

7) **PEMANDU MOTOR SANGKUT**
**(DI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM, KEMENTERIAN PENDIDIKAN)** (Bilangan Kod : 079 98 – 158)
**Tanggagaji** : F. 3 - 4 EB. 5 $550 – $700 sebulan.
**Kelayakan :**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) Mempunyai Sijil Kecekapan sebagai Pegawai Laut Kelas 9.

c) Mempunyai tubuh badan yang sihat, penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Pandai berenang.

d) Mengetahui selok-belok sungai-sungai di negara ini terutama sekali Sungai Temburong adalah merupakan satu kelebihan.

8) **PENJAGA MALAM**
**(DI JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN)** (Bilangan Kod : 030 58 – 941)
**Tanggagaji** : F. 1 - 2 EB. 3 $445 – $590 sebulan.
**Kelayakan :**

a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca.

b) Berbadan sihat dan telah mempunyai pengalaman yang luas sebagai Penjaga.

c) Tinggal di kawasan yang berdekatan dengan tempat bekerja merupakan satu kelebihan.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga dikehendaki bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup : 1 April, 1992**
**Bilangan Pendaftaran : 6/1992 Rujukan (E/761/89)**

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bil. Tawaran : 2/1992**

PENAWAR-PENAWAR yang berdaftar sebagai peniaga kecil dan seumpamanya adalah dipelawa menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam 1180 tidak lewat daripada 31 Mac, 1992 hari Selasa jam 12.00 tengah hari untuk menjalankan perkhidmatan kantin bagi :-

1. Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah (141 murid).
2. Ma'had Islam Brunei, Tutong. A [Kantin] (murid 852 orang).
3. Ma'had Islam Brunei, Tutong. B [Kantin] (852 murid).
4. Ma'had Islam Brunei, Tutong. A (Stationary) (852 murid).
5. Ma'had Islam Brunei, Tutong. B [Stationary] (852 murid).

Tawaran-tawaran hendaklah dikirim dalam sampul surat yang tertutup beserta dengan salinan surat/sijil perniagaan dan ditulis dengan perkataan yang berikut di luar sampul surat tanpa menunjukkan identiti pengirim :-

1. Tawaran Kantin Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah.
2. Tawaran Kantin Ma'had Islam Brunei, Tutong. A
3. Tawaran Kantin Ma'had Islam Brunei, Tutong. B
4. Tawaran Stationary Ma'had Islam Brunei, Tutong. A
5. Tawaran Stationary Ma'had Islam Brunei, Tutong. B

Penerangan-penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pengetua sekolah berkenaan bila-bila masa waktu pejabat/sekolah.

* PERINGATAN

**Bil. Tawaran : 3/1992**

PENAWAR-PENAWAR yang berdaftar sebagai peniaga kecil dan seumpamanya adalah dipelawa menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam 1180 tidak lewat daripada 2 April, 1992 hari Khamis jam 12.00 tengah hari untuk menjalankan perkhidmatan kantin bagi :-

1. Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul. Azim, Brunei II. (844 murid).
2. Sekolah Ugama Madewa, Brunei II. (322 murid).
3. Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Malik, Bengkurong, Brunei I. (212 murid).
4. Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bulkiah, Mentiri, Brunei II. (246 murid).
5. Sekolah Ugama Salambigar, Brunei III (289 murid).
4. Sekolah Ugama Masin, Brunei I. (204 murid).

Tawaran-tawaran hendaklah dikirim dalam sampul surat yang tertutup beserta dengan salinan surat/sijil perniagaan dan ditulis dengan perkataan yang berikut di luar sampul surat tanpa menunjukkan identiti pengirim :-

1. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Azim, Serasa, Brunei II.
2. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Madewa, Brunei II.
3. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul. Malik, Bengkurong, Brunei I
4. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri 'Azeman Ni'matul Bulkiah, Mentiri, Brunei II.
5. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Salambigar, Brunei III.
6. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Masin, Brunei I.

Penerangan lanjut boleh diperolehi dari Nazir Sekolah Ugama Kawasan Brunei I, II, III atau guru-guru besar sekolah agama berkenaan bila-bila masa waktu pejabat/sekolah.

*PERINGATAN

**Bil. Tawaran : 4/1992**

PENAWAR-PENAWAR yang berdaftar sebagai peniaga kecil dan seumpamanya adalah dipelawa menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam 1180 tidak lewat daripada 9 April, 1992 hari Khamis jam 12.00 tengah hari untuk menjalankan perkhidmatan kantin bagi :-

1. Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait. (1575 murid).
2. Sekolah Ugama Pengiran Muda Muhammad Bolkiah, Temburong. (385 murid).
3. Sekolah Ugama Bokok, Temburong. (181 murid).
4. Sekolah Ugama Penanjong, Tutong. (220 murid).

Tawaran-tawaran hendaklah dikirim dalam sampul surat yang tertutup beserta dengan salinan surat/sijil perniagaan dan ditulis dengan perkataan yang berikut di luar sampul surat tanpa menunjukkan identiti pengirim :-

1. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait.
2. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Pengiran Muda Muhammad Bolkiah, temburong.
3. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Bokok, Temburong.
4. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Penanjong, Tutong.

Penerangan-penerangan lanjut boleh diperolehi dari Nazir Sekolah-Sekolah Agama Daerah Belait, Tutong dan Temburong atau guru-guru besar sekolah agama berkenaan bila-bila masa waktu pejabat/sekolah.

*PERINGATAN

*PERINGATAN
TAWARAN yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas atau tanpa menyertakan salinan surat/sijil perniagaan tidak akan dilayan.
Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang tinggi atau lain-lain tawaran.

## GERAI PESUNGKAIAN SKIM LATIHAN DAN KEMAJUAN BELIA

SKIM Latihan dan Kemajuan Belia, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam akan mengadakan jualan di bulan puasa mulai 7 hingga 27 Mac, 1992 mulai jam 1.00 hingga 6.00 petang bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Barang makanan dan minuman yang dijual ialah :-

MAKANAN : Sate, Bergedel/Popia, Gado-Gado, Mee Thailand, Nasi Ayam, Mie Goreng, Kue Tiew, Air Sup Tulang, Air Sup Ayam, Daging Rendang, Sambal Belacan, Cucur-Cucuran, Beef Kebab, Chicken Maryland, Toriyaki, Sweet and Sour Fish.

MINUMAN : Puspa, Cendol, Alo-alo dan Cekong.

Oleh itu orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung ke gerai tersebut.





ri Bolkiah
a baginda

oleh
Haji
O
MA.

ma junjung
enerima kun-
urnia Rakyat
Kuala Belait
erangkat ke

da menadah
n di rumah
lait, ketika
ke rumah







BAGINDA dan adinda baginda berkenan berangkat melawat persekitaran Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati bagi kawasan Mumong Kuala Belait.





BAGINDA berkenan memerhati salah sebuah buku di Bilik Perpustakaan Sekolah Menengah Mumong. Kelihatan sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (atas kanan).

BAGINDA berkenan beramah mesra dengan salah seorang penuntut Sekolah Menengah Mumong ketika baginda berangkat melawat salah sebuah bilik darjah di Sekolah Menengah Mumong (bawah).



BAGINDA berkenan mengurniakan kunci rumah kepada salah seorang penerima kunci rumah dalam Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati bagi kawasan Mumong Kuala Belait dan Lorong Tiga Selatan Seria.






SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Malai Ali bin Malai Haji Othman ketika berucap di Seminar Mengenai Peluang Perniagaan dan Perdagangan di New Zealand.

# Perkembangan berlandaskan eksport faktor penting dalam mempelbagai ekonomi

Oleh
Dk. Saidah POA

GADONG, 26 Februari. — Setiausaha Tetap di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Malai Ali berkata satu perkembangan yang berlandaskan eksport merupakan faktor penting dalam rancangan-rancangan mempelbagaikan ekonomi negara ini.

Dato Paduka Malai Ali berkata, Negara Brunei Darussalam harus menghadapi kenyataan yang aktiviti ekonominya hanya bergantung kepada pasaran dalaman yang tidak mampu bertahan.

Dari itu kata beliau ia mestilah campuran kegiatan tempatan dan eksport tetapi lebih banyak menekankan ke arah pengeksportan.

Dato Paduka Malai Ali berkata demikian di Semiar Mengenai Peluang Perniagaan dan Perdagangan Di New Zealand yang diadakan di salah sebuah hotel di sini.

Dato Paduka Malai Ali merasa ahli-ahli perniagaan sangat positif dan optimistik terhadap cabaran-cabaran ini selain dari eksport minyak dan gas.

Seminar tersebut dianjurkan bersama oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan dua orang penceramah dari New Zealand telah mengendalikan seminar sehari itu yang mana bertujuan untuk meningkatkan kesedaran ke atas peluang eksport yang ditawarkan dan kawalan pakar dan teknologi di New Zealand yang akan dapat mengukuhkan kecemerlangan eksport ASEAN.

# Kedaulatan tanahair tinggi nilainya kepada bangsa yang merdeka, bertamadun

Oleh
Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Februari. — Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menekankan, kita sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari tujuh komponen Melayu yang utama, mempunyai tanggungjawab dan komitmen dalam mempertahankan kedaulatan tanahair.

"Bagi kita, lebih-lebih lagi bangsa Melayu yang terdiri dari tujuh rumpun utama di Negara Brunei Darussalam, kedaulatan tanahair atau kedaulatan negara dan bangsa itu adalah juga merupakan kedaulatan bangsa Melayu dan mengekalkan kedominanan bangsa Melayu itu di Negara Brunei Darussalam," tegas Awang Haji Hazair.

Menurut Pemangku Pengarah Penerangan kedaulatan tanahair adalah suatu yang sangat tinggi nilai dan ertinya kepada suatu bangsa yang merdeka dan bertamadun.

"Kedaulatan tanahair itu melambangkan keunggulan dan keagungan bangsa itu. Tidak kita sama ada kita sebuah negara yang besar ataupun yang kecil. Soal pokoknya, kedaulatan tanahair menjadikan kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan mana-mana negara yang merdeka dan berdaulat di dunia ini," tambah Awang Haji Hazair kepada lebih 30 orang penuntut Pusat Latihan Mekanik, Kementerian Pendidikan yang menghadiri majlis Taklimat Penerangan, hari ini, di Bilik Taklimat, Jabatan Penerangan di sini.

Menurut Awang Haji Hazair, sebagai sebuah negara dan bangsa yang berdaulat, kita mempunyai cita-cita tersendiri baik dari segi politik, pemerintahan dan kerajaan mahupun dari aspek sosial dan budaya yang menjadikan kita 'walih' atau berbeza daripada bangsa-bangsa dari negara-negara lain.

Ciri-ciri utama kedaulatan bangsa dan negara khususnya bagi kita di Negara Brunei Darussalam ini pertama, kedaulatan raja; kedua, keutuhan wilayah; ketiga, kedaulatan dan keunggulan perlembagaan dan undang-undang negara; keempat, kedaulatan dan kesucian agama Islam di Negara Brunei Darussalam; kelima, keunggulan falsafah negara, Melayu Islam Beraja; keenam, kehalusan adat istiadat dan budaya kita sebagai orang-orang Brunei; ketujuh, keamanan, keselamatan dan perpaduan yang sudah wujud di Negara Brunei Darussalam dan kelapan, kemakmuran yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

"Ciri-ciri ini merupakan sebagai kedaulatan bangsa itu sendiri dan kita tidak mahu kedaulatan ini diganggu-gugat atau terancam sama ada dalam negeri mahupun oleh anasir-anasir dari luar negeri. Ciri-ciri ini adalah juga suatu nilai yang tidak boleh tawar-menawar atau bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang cuba menggugat atau mengancam," tegas Awang Haji Hazair.

Dalam usaha mempertahankan kedaulatan tanahair, menurut Awang Haji Hazair lagi, ia memerlukan beberapa nilai yang patut ada dalam diri rakyat dan penduduk negara ini iaitu kefahaman mengenai dengan kedaulatan itu sendiri. Tanpa pemahaman, kita tidak akan dapat mempertahankan kedaulatan kita.

Dari pemahaman itu datangnya penghayatan kedaulatan bangsa dan tanahair kemudian diikuti dengan komitmen dan penglibatan kita pada menanai kedaulatan tanahair dan bangsa kita.

"Komitmen dan penglibatan itu bukan hanya merupakan satu komitmen yang separuh-separuh hati bahkan komitmen yang sepenuhnya. Selepas itu, setelah kita mempunyai pemahaman dan mempunyai penghayatan, dan seterusnya mempunyai komitmen dan penglibatan secara 'total' maka adalah perlu kita memberi sumbangan dan pengorbanan ke arah mengekalkan dan mempertahankan kedaulatan tanahair dan bangsa kita," tegas Awang Haji Hazair.

Pemangku Pengarah Penerangan juga menjelaskan beberapa aspek mengenai dengan struktur pentadbiran dan pemerintahan Negara Brunei Darussalam yang amat perlu diketahui dan difahami oleh setiap rakyat dan penduduk negara ini dalam sama-sama menanai kedaulatan tanahair.

Terdahulu, ketibaan rombongan yang diketuai oleh Pemangku Pengetua Pusat Latihan Mekanik, Awang Mohd. Hussin bin Awang Haji Besar telah dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Sulaiman bin Haji Abdul Wahab.

Timbalan Pengarah Penerangan, Pengiran Haji Mohd. Yassin bin Pengiran Othman, beberapa orang pegawai penerangan dari Departmen Penerangan Republik Indonesia yang dalam rangka lawatan di bawah Program Memorandum Persefahaman Di Bidang Penyiaran dan Penerangan antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Indonesia, dan beberapa orang pegawai penerangan dari negara-negara ASEAN yang sedang mengikuti Rancangan Penempatan dan Pertukaran Pegawai-Pegawai Penerangan ASEAN dalam usaha untuk meningkatkan kerja-kerja di bidang penerangan juga hadir di majlis itu.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah

SAMBUNGAN DARI MUKA 4

negara umumnya. Ketua kampung juga akan bertanggungjawab kepada penghulu, Pegawai Daerahnya dan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka untuk kemajuan, kebajikan dan keselamatan.

"Pencalonan ketua kampung adalah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkelayakan yang mempunyai kelulusan akademik tidak kurang dari tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya dan mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan di negara ini serta bermastautin di kampung tersebut tidak kurang dari dua tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Umur calon ketua kampung hendaklah tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak lebih 65 tahun pada tarikh pencalonannya dan tidak terlibat dalam sebarang pertubuhan siasah dan juga tidak pernah diisytiharkan muflis dua tahun sebelum pencalonannya," jelas Dato Paduka.

Seorang ketua kampung, tambah Dato Paduka, akan dipersarakan apabila mencapai umur 65 tahun tetapi boleh dilanjutkan untuk dilantik sebagai ketua kampung secara perkhidmatan sebulan ke sebulan dengan limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta diakui sihat oleh pemeriksaan doktor yang diiktiraf oleh kerajaan.

Seterusnya Dato Paduka menambah, seorang ketua kampung yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatannya atau bersara atau ditamatkan disebabkan kesihatan akan dibayar baksis kelamaan perkhidmatannya menurut peraturan-peraturan dan kadar yang dinikmati oleh para pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dalam kerajaan yang tidak berpencen.



SEBAHAGIAN daripada 30 orang penuntut Pusat Latihan Mekanik ketika menghadiri Majlis Taklimat anjuran Jabatan Penerangan baru-baru ini.

# Majlis Makan Malam

Oleh
Dk. Fatimah PHMN

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Februari. — Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah telah mengadakan Majlis Makan Malam sempena Majlis Konvokesyen Kali Kedua maktab tersebut di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Majlis tersebut dihadiri oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Dr. Awang Haji Ahmad.

Menyerikan majlis tersebut ialah persembahan keagamaan dan kebudayaan termasuklah persembahan koir, syair dan mendeklamasikan sajak.

Konvokesyen kedua bagi 28 graduan maktab tersebut telah diadakan pada sebelah pagi ini di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Berangkat bagi mengurniakan sijil-sijil kepada graduan-graduan tersebut ialah puteri sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bersama-sama dengan Timbalan Menteri Pendidikan Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Dr. Awang Haji Ahmad ketika menghadiri jamuan makan malam sempena Majlis Konvokesyen Kedua Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah baru-baru ini. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

# Sikap menanai kedaulatan negara bukan hanya setakat sambutan hari kebangsaan

Oleh
Dk. Fatimah PHMN

BERAKAS, 3 Mac. — Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata, sikap menanai kedaulatan negara tidak hanya diamalkan setakat sambutan hari kebangsaan sahaja, malah ianya akan menjadi amalan hidup seharian dan ditanamkan di dalam jiwa masing-masing sebagai pendorong dan panduan bagi mempertingkatkan semangat kenegaraan untuk menghadapi cabaran-cabaran hidup di masa akan datang.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menambah ianya juga akan memperkuatkan azam untuk memberi bantuan kepada pihak kerajaan di dalam masa-masa membangun dan memajukan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang digalati dan dihormati di mata dunia.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat berharap agar semangat kenegaraan dan kesedaran nasional di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini akan memperkukuhkan lagi imej negara sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka yang berteraskan konsep Melayu Islam Beraja.

"Ini kerana imej negara yang unggul akan dapat menggambarkan kepada dunia luar tentang keharmonian rakyat dan penduduknya yang hidup aman damai, bersatu padu, bekerjasama, bertanggungjawab, berdisiplin dan beradab sopan di bawah kedaulatan dan pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," tegas Yang Berhormat di Majlis Makan Malam sempurnanya sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bertempat di Kompleks Sukan Penerbangan Diraja Brunei di sini.

Yang Berhormat percaya semua cita-cita ini tidak akan tercapai tanpa adanya sikap bersatu padu, berganding bahu serta bekerjasama dalam mempertingkatkan sosioekonomi, budaya dan politik negara dan sama-sama memikul tanggungjawab dan kewajipan semata-mata untuk menjayakan dan memeriahkan sambutan hari kebangsaan kali ke-8 baru-baru ini.

Sikap yang sedemikian ini kata Yang Berhormat bukan hanya dikhususkan untuk upacara sambutan tersebut sahaja tetapi haruslah menjadi satu amalan rakyat dan penduduk negara ini agar melahirkan generasi yang penuh disiplin dan bertanggungjawab terhadap bangsa, negara, raja dan agamanya.

